

Terma Dan Syarat Yang Mentadbir Akaun Pelaburan Bon / Sukuk

("Terma dan Syarat")

1. Tafsiran

Perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam dokumen ini mempunyai makna seperti berikut melainkan jika konteksnya menghendaki sebaliknya:-

"Akaun"	bermakna akaun pelaburan yang dibuka dan dikekalkan dengan kami untuk transaksi berhubung dengan Bon / Sukuk dan di bawah Terma dan Syarat ini.
"Pemegang Akaun", atau "anda" atau "anda sendiri"	bermakna seorang pemegang akaun untuk Akaun, sama ada secara bersendirian atau bersama, dan termasuk wakil peribadi, pengganti hak milik dan penerima serah hak yang dibenarkan masing-masing.
"Undang-undang yang Digunakan"	bermakna semua statut, undang-undang, peraturan, pengawalan, garis panduan (termasuk tetapi tidak terhad kepada garis panduan Bank Negara Malaysia), arahan dan pekeliling yang berkaitan atau berkenaan (sama ada yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah, tribunal, badan kerajaan atau pihak berkuasa atau organisasi kawal selia sendiri yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami atau mana-mana individu lain dalam Kumpulan).
"Bon" atau "Bon-bon"	bermakna instrumen hutang yang terdiri daripada sekuriti pendapatan tetap atau sekuriti hutang dengan tarikh matang tetap yang dikeluarkan oleh Penerbit.
"peniaga Bon / Sukuk"	bermakna Kakitangan atau mana-mana pihak ketiga lain yang mungkin dilantik oleh kami untuk menjual Bon / Sukuk.
"Dokumen Bon / Sukuk"	bermakna memorandum atau prospektus maklumat yang dikeluarkan oleh Penerbit atau helaian terma atau Helaian Maklumat Produk yang dikeluarkan oleh kami berhubung dengan Bon / Sukuk.
"Hari Perniagaan"	bermakna hari di mana Bank dibuka dan / atau dikekalkan dalam negeri di mana tempat perniagaan Bank terletak untuk menjalankan urusan perniagaan dalam bentuk yang diperlukan atau dimaksudkan oleh Terma dan Syarat ini.
"Kod"	bermakna Kod Hasil Dalam Negeri tahun 1986 yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat (AS).
"Penjaga"	bermakna mana-mana bank, bank saudagar, syarikat amanah, syarikat penama, depositori atau ahli firma dari mana-mana bursa sekuriti yang dilantik oleh kami sebagai penjaga Bon / Sukuk anda, termasuk Sub-Penjaga jika dibenarkan dalam konteksnya.
"Hari Berurusan"	bermakna hari di mana peniaga Bon / Sukuk menerima urusan Bon / Sukuk.
"FATCA"	bermakna seksyen 1471 hingga 1474 Kod dan peraturan serta garis panduan lain yang dikeluarkan di bawah Kod, setiap satunya dipinda dari semasa ke semasa (lazimnya dikenali sebagai Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing) ("FATCA") atau apa-apa perjanjian lain yang dimeterai dengan atau antara pihak berkuasa bagi pelaksanaan FATCA.
"Kumpulan"	bermakna cawangan, agensi, pejabat wakil, syarikat gabungan, bersekutu atau berkaitan kami, serta pegawai, kakitangan atau ejen mereka, sama ada berada di dalam atau di luar Malaysia, dan juga termasuk kami.

“Penerbit ”	bermakna mana-mana kerajaan, perbadanan, bank, entiti kemudahan awam atau apa-apa entiti lain sebagai Penerbit Bon / Sukuk.
“Proses Undang-undang”	mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sebarang proses pemula termasuk writ saman dan saman pemula serta apa-apa bentuk proses pemula, rayuan, permohonan interlokutori, afidavit, perintah, penghakiman lain dan apa-apa dokumen lain yang perlu disampaikan di bawah sebarang undang-undang bertulis dan notis sedemikian di bawah Akta Insolvensi 1967.
“Data Peribadi”	bermakna sebarang maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung kepada seorang individu, di mana bagi tujuan Terma dan Syarat ini mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama, alamat, pekerjaan, butiran hubungan, maklumat yang diperolehi daripada sistem keselamatan (termasuk rakaman imej pada Televisyen Litar Tertutup (Closed Circuit Television atau CCTV)), maklumat yang terkandung dalam Akaun yang dipegang oleh anda sama ada secara tunggal atau bersama dengan mana-mana individu lain, jenis produk dan/atau perkhidmatan yang anda telah melanggan dengan kami serta data lain sedemikian yang diperlukan mengenai diri anda dan transaksi anda dengan kami.
“Kakitangan”	bermakna pengarah, pegawai, kakitangan, pekerja dan ejen kami.
“Ejen Perkhidmatan Proses”	bermakna ejen yang dilantik oleh anda dan yang telah menerima pelantikan anda, untuk menerima penyampaian semua Proses Undang-undang yang timbul daripada atau berkaitan dengan Akaun dan / atau Perkhidmatan tersebut bagi pihak anda.
“Pelabur Sofistikated”	bermakna mana-mana individu yang memenuhi sekurang-kurangnya satu daripada syarat-syarat berikut:- (i) yang mempunyai jumlah aset bersih peribadi atau jumlah aset bersih bersama dengan pasangan/anak beliau yang melebihi tiga juta ringgit (RM3,000,000.00) atau yang sama nilai dengannya dalam mata wang asing, dengan syarat nilai bersih kediaman utama beliau tidak melebihi RM1 juta daripada jumlah aset bersih tersebut; atau (ii) yang mempunyai pendapatan tahunan kasar melebihi tiga ratus ribu ringgit (RM300,000.00) atau yang sama nilai dengannya dalam mata wang asing setahun dalam tempoh dua belas (12) bulan sebelumnya; atau (iii) yang mempunyai pendapatan tahunan kasar melebihi empat ratus ribu ringgit (RM400,000.00) atau yang sama nilai dengannya dalam mata wang asing setahun dalam tempoh 12 bulan sebelumnya, secara bersama dengan pasangan/anak beliau; atau (iv) yang mempunyai jumlah portfolio pelaburan peribadi bersih atau jumlah portfolio pelaburan bersama bersih dengan pasangan/anak beliau, dalam mana-mana produk pasaran modal melebihi RM1 juta atau yang sama nilai dengannya dalam mata wang asing; atau (v) yang mempunyai salah satu kelayakan berikut dan pengalaman kerja berkaitan selama lima tahun berturut-turut dalam bidang kewangan, ekonomi, sains aktuari atau perakaunan: a. Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana dalam bidang Kewangan, Ekonomi atau Sains Aktuari; b. Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana dalam bidang Perakaunan; atau c. Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA); atau (vi) yang mempunyai keahlian dalam mana-mana pertubuhan berikut: a. Ahli Aktif Chartered Financial Analyst (CFA) Institute; b. Jurubank Bertauliah Asian Institute of Chartered Bankers Asia (AICB); c. Ahli Biasa Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia (FMAM); d. Akauntan Bertauliah, C.A(M) Institut Akauntan Malaysia (MIA); e. Ahli Biasa Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA);

	f. Pelabur Pemangkin Bertauliah Malaysian Business Angel Network (MBAN); g. Ahli Bertauliah Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia (FPAM); h. Ahli Biasa Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MFPC); atau (vii) yang mempunyai pengalaman kerja lima tahun berturut-turut dalam perantara pasaran modal yang berkaitan dengan pembangunan produk, kewangan korporat, nasihat urus niaga, pengurusan pelaburan, jualan dan dagangan, penyelidikan dan nasihat pelaburan, analisis kewangan, atau penyediaan latihan dalam produk pelaburan.
“Perkhidmatan”	bermakna sebarang perkhidmatan yang diberikan atau akan diberikan oleh kami kepada anda berhubung dengan Bon / Sukuk seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini termasuk tetapi tidak terhad kepada pembelian dan penjualan Bon / Sukuk.
“Sub-Penjaga”	bermakna mana-mana bank, syarikat amanah saudagar, syarikat pengurusan aset, syarikat penama, depository atau ahli firma dari mana-mana bursa sekuriti yang dilantik oleh kami atau Penjaga sebagai sub-penjaga Bon / Sukuk anda dan/atau sebagai pentadbir untuk membantu kami menjalankan transaksi berhubung dengan Bon / Sukuk.
“Sukuk”	bermakna sekuriti Islam yang distrukturkan dengan cara untuk menjana pulangan kepada pelabur di mana ia diterbitkan dan diniagakan mengikut prinsip Syariah, yang melarang “riba” atau faedah.
“Terma dan Syarat”	bermakna Terma dan Syarat ini yang mentadbir Akaun Pelaburan Bon / Sukuk (termasuk apa-apa perubahan atau tambahan kepadanya seperti yang kami mungkin tentukan dari semasa ke semasa).
“Subjek Data Pihak Ketiga”	bermakna seorang individu di mana Data Peribadi beliau telah diberikan kepada kami dan mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada penerima mandat, waris, tanggungan, penjamin individu, dan pembekal keselamatan anda.
“UOB Malaysia”, “Bank”, “kami” dan “kita”	bermakna United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (No. Syarikat 199301017069 (271809-K)), dan di mana berkenaan, Penjaga, Sub-Penjaga atau Kakitangan.
“AS”	bermakna Amerika Syarikat.
“Rakyat AS”	bermakna seorang warganegara atau pemastautin individu AS, perkongsian domestik atau syarikat domestik yang diperbadankan di AS atau di bawah undang-undang AS atau mana-mana negeri di AS, suatu amanah jika (i) mahkamah di AS yang boleh menjalankan pengawasan utama ke atas pentadbiran amanah tersebut, dan (ii) seorang atau lebih daripada seorang Rakyat AS mempunyai kuasa untuk mengawal semua keputusan utama amanah tersebut, atau estet keturunan seseorang yang merupakan warganegara atau pemastautin AS. Definisi ini akan ditafsirkan mengikut Kod. Sila maklum bahawa individu yang telah kehilangan kewarganegaraan AS mereka dan yang menetap di luar AS mungkin dianggap sebagai Rakyat AS dalam keadaan tertentu.

2. Terma dan Syarat

Terma dan Syarat ini akan mentadbir Akaun dan Perkhidmatan yang kami sediakan untuk anda. Dengan membuka, mengekalkan dan menggunakan Akaun, anda bersetuju untuk diikat oleh Terma dan Syarat ini. Anda dianggap telah membaca, memahami dan menerima setiap terma.

3. Pembukaan Akaun dan Kelayakan Akaun

- 3.1 Sebelum menggunakan Perkhidmatan, anda mesti membuka dan mengekalkan:-
- (a) Akaun dengan kami;
 - (b) akaun semasa atau simpanan dengan kami atau, sebagai alternatif, jika anda mempunyai akaun semasa atau simpanan sedia ada dengan kami, anda perlu menetapkan akaun tersebut sebagai "akaun penyelesaian" ("Akaun Penyelesaian") bagi memudahkan pembayaran berhubung dengan Bon / Sukuk dan / atau Perkhidmatan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pembelian / langganan, pembayaran kupon / keuntungan, penebusan, fi dan caj.
- 3.2 Untuk membuka Akaun, anda mesti bukan seorang Rakyat AS dan berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada tarikh permohonan.
- 3.3 Kami mungkin menolak permohonan untuk membuka Akaun jika anda mengabaikan atau menolak pembukaan atau pengekalan Akaun Penyelesaian dengan kami. Anda perlu memastikan bahawa Akaun Penyelesaian dan Akaun dibuka oleh individu yang sama dan mempunyai mandat operasi yang sama pada setiap masa. Jika terdapat sebarang percanggahan dalam nama dan mandat operasi Akaun dan Akaun Penyelesaian, anda bersetuju bahawa kami mempunyai hak untuk bergantung kepada mandat masing-masing untuk Akaun dan Akaun Penyelesaian.
- 3.4 Dalam pembukaan Akaun, anda mesti mengisi borang standard kami bagi pembukaan Akaun dan memberikan kami mandat sedemikian (jika berkenaan), contoh tandatangan dan apa-apa dokumen lain yang diperlukan oleh kami. Kami mungkin menolak sebarang permohonan Akaun tanpa memberikan apa-apa sebab.
- 3.5 Anda bersetuju bahawa sebagai tambahan kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam borang permohonan untuk pembukaan Akaun dan Terma dan Syarat ini, Akaun juga akan ditadbir dan tertakluk kepada amalan perbankan kami yang berkenaan dari semasa ke semasa serta peraturan dan pengawalan Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami.

4. Mandat / Arahan

- 4.1 Mandat Operasi untuk mengendalikan atau menggunakan Akaun:-
- (a) anda mesti memberikan kami semua maklumat mengenai diri anda; dan
 - (b) jika Akaun adalah akaun bersama, anda mesti memberikan kami mandat / kebenaran untuk mengendalikan Akaun.
- 4.2 Perubahan dalam mandat operasi:-
- (a) anda mesti memaklumkan kami secara bertulis dengan serta-merta mengenai sebarang pertukaran atau perubahan dalam mandat operasi atau apabila anda ingin menukar tandatangan anda;
 - (b) kami berhak mendapat tempoh masa yang munasabah (tidak kurang dari tujuh (7) Hari Perniagaan daripada penerimaan) untuk memproses pemberitahuan perubahan sedemikian. Kami mungkin, pada penilaian kami, bertindak ke atas apa-apa arahan yang ditandatangani oleh anda sebelum kami memproses pemberitahuan perubahan sedemikian.
- 4.3 Arahan:-
- (a) Kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma dan Syarat ini, semua arahan yang diberikan oleh anda adalah muktamad dan akan mengikat anda.
 - (b) Kami berhak untuk menolak atau tidak bertindak ke atas apa-apa arahan, sama ada untuk suatu transaksi atau apa-apa perkara berhubung dengan Akaun dan / atau Bon / Sukuk, jika:-
 - (i) kami tidak dapat mengesahkan identiti anda pada kepuasan kami;
 - (ii) kami mempunyai apa-apa keraguan mengenai kesahihan, kejelasan atau kelengkapan arahan;
 - (iii) bentuk atau kandungan arahan tersebut tidak selaras dengan keperluan atau polisi atau amalan yang kami tentukan dari semasa ke semasa;

- (iv) arahan tidak selaras dengan mandat yang sedang berkuatkuasa berhubung dengan pengendalian Akaun tersebut;
- (v) kami mempercayai atau mengesyaki bahawa arahan tersebut tidak sah, tidak dibenarkan atau dipalsukan;
- (vi) tandatangan pada arahan adalah berbeza daripada contoh tandatangan dalam rekod kami; atau
- (vii) suatu Peristiwa kemungkiran telah berlaku atau sedang berlaku.

- 4.4 Kami boleh bertindak atas apa-apa arahan yang kami percaya telah diberikan oleh anda dengan niat baik, tanpa siasatan mengenai:-
- (a) identiti atau kewibawaan individu yang memberi atau yang dikatakan memberi arahan tersebut; atau
 - (b) kesahihan arahan tersebut walaupun jika:-
 - (i) arahan tersebut mungkin bercanggah dengan arahan lain yang diberikan oleh anda kepada kami; atau
 - (ii) terdapat apa-apa kesilapan, salah faham, penipuan, pemalsuan atau kurang kejelasan dalam terma arahan tersebut.
- 4.5 Pada kematian, ketidakupayaan mental, kebangkrapan atau pembubaran mana-mana Pemegang Akaun, kami mungkin membeku atau menggantung Akaun dan Perkhidmatan sehingga kami menerima bukti pada kepuasan kami mengenai individu(-individu) yang mempunyai kuasa undang-undang untuk mengendalikan Akaun dan menguruskan Bon / Sukuk.
- 4.6 Anda mengakui bahawa kami boleh melaksanakan sebarang prosedur dan ciri-ciri keselamatan yang kami anggap sesuai dan / atau diperlukan dari semasa ke semasa untuk mengesahkan identiti anda dan bahawa arahan berhubung dengan Akaun dan / atau Perkhidmatan telah diberikan oleh anda. Tanpa menjejaskan apa-apa yang dinyatakan sebelum ini, kami mungkin memerlukan pengesahan untuk sebarang arahan daripada anda dalam apa-apa bentuk atau cara yang kami anggap sesuai.

5. Pemegang Akaun Bersama / Nama Bersama dalam Pelaburan

- 5.1 Untuk akaun bersama, kami akan bertindak mengikut mandat bertulis anda kecuali kami:-
- (a) menerima arahan yang tidak jelas atau bertentangan berhubung dengan Akaun atau berkenaan dengan Bon / Sukuk;
 - (b) menerima arahan berlainan daripada seorang Pemegang Akaun sebelum kami bertindak atas arahan daripada Pemegang Akaun yang lain;
 - (c) menerima arahan berhubung dengan penutupan Akaun; atau
 - (d) menyedari akan sebarang pertikaian;
- di mana kami berhak menolak untuk bertindak dan hanya akan bertindak atas arahan semua Pemegang Akaun. Dalam semua dan mana-mana perkara yang dinyatakan dalam Klausula ini, kami, setakat yang dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang, tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pemegang Akaun bersama atas tindakan sedemikian atau keengganan untuk bertindak.
- 5.2 Anda boleh meminta Pemegang Akaun lain untuk memegang Bon / Sukuk secara bersama dengan anda, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
- (a) Pemegang Akaun bersama mestilah pasangan, adik-beradik, ibu bapa atau anak anda yang berumur 18 tahun ke atas;
 - (b) setiap Pemegang Akaun individu mestilah seorang Pelabur Sofistikated; dan
 - (c) setiap Pemegang Akaun individu mestilah bukan seorang Rakyat AS.
- 5.3 Jika Akaun adalah dalam nama bersama:-
- (a) setiap Pemegang Akaun akan bertanggungjawab secara bersama dan berasingan untuk semua liabiliti yang ditanggung berhubung dengan Bon / Sukuk, Perkhidmatan dan di bawah Terma dan Syarat ini (termasuk sebarang pindaan dari semasa ke semasa);

- (b) setiap Pemegang Akaun bersetuju untuk diikat secara bersama dan berasingan oleh Terma dan Syarat ini (termasuk sebarang pindaan dari semasa ke semasa), terma dan syarat dalam borang Tindakan Pelaburan Bon / Sukuk, Dokumen Bon / Sukuk serta nota / makluman pengesahan yang menyatakan terma yang digunakan untuk Bon / Sukuk dan Perkhidmatan;
 - (c) jika mandat akaun adalah untuk mana-mana satu Pemegang Akaun boleh berurusan dengan Akaun (termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran, arahan (sama ada lisan, bertulis atau sebaliknya) dan penutupan Akaun), anda bersetuju bahawa kami berhak bertindak atas arahan daripada satu Pemegang Akaun sahaja dan anda akan bertanggungjawab secara bersama dan berasingan untuk semua transaksi yang timbul daripada arahan sedemikian tanpa mengira sama ada anda:-
 - (i) menyedarinya;
 - (ii) bersetuju dengannya; atau
 - (iii) akan mendapat manfaat daripada atau mengalami apa-apa kerugian yang timbul daripada arahan sedemikian daripada Pemegang Akaun yang lain.
- 5.4 Tiada seorang pun daripada Pemegang Akaun akan dilepaskan, mahupun tanggungjawab beliau tidak akan terjejas oleh sebarang pelepasan, pembebasan, masa, kepuasan, konsesi, penepian atau persetujuan pada bila-bila masa atau terjejas berhubung dengan mana-mana satu atau lebih daripada satu Pemegang Akaun lain.
- 5.5 Kami hanya akan menghantar satu notis atau komunikasi kepada alamat surat-menyurat yang dinyatakan oleh Pemegang Akaun secara bertulis selaras dengan mandat yang sedang dikuatkuasakan berkenaan Akaun, dan notis atau komunikasi tersebut akan dianggap telah dihantar kepada semua Pemegang Akaun.
- 5.6 Doktrin kemandirian akan digunakan bagi mana-mana Akaun yang dibuka atas nama bersama yang lebih daripada seorang.
- 5.7 Pada kematian mana-mana Pemegang Akaun bersama:-
- (a) kami mungkin menggantung Akaun dan Bon / Sukuk tanpa bertanggungjawab kepada setiap Pemegang Akaun; dan
 - (b) kami dibenarkan untuk memegang Bon / Sukuk dalam Akaun mengikut arahan Pemegang Akaun yang masih hidup tanpa menjejaskan sebarang hak yang kami mungkin ada terhadap Bon / Sukuk sedemikian yang timbul daripada, antara lain, sebarang lien, caj, cagaran, penyelesaian atau apa-apa tuntutan atau tuntutan balas lain yang sebenar atau di luar jangkaan. Apa-apa tindakan yang diambil oleh kami menurut arahan yang diberikan oleh Pemegang Akaun yang masih hidup akan mengikat setiap Pemegang Akaun serta waris, wakil peribadi dan pengganti masing-masing.

6. Pengiktirafan Risiko

- 6.1 Anda bersetuju dan menerima bahawa anda telah: –
- (a) mempertimbangkan objektif dan keadaan kewangan anda;
 - (b) membaca dan memahami Helaian Maklumat Produk dan Penyata Pendedahan Risiko, dan bahawa anda bersetuju dan menerima risiko yang berkaitan dengan pelaburan Bon / Sukuk.
- 6.2 Anda mengakui dan mengiktiraf bahawa pelaburan Bon / Sukuk mempunyai risiko sedia ada seperti berikut dan anda bersetuju untuk menerima risiko tersebut:-
- (a) **Pendedahan Risiko Am untuk pelaburan Bon / Sukuk:**
 - (i) Oleh kerana Bon / Sukuk diterbitkan oleh Penerbit, sebarang tanggungjawab kepada anda akan ditanggung oleh Penerbit sahaja.
 - (ii) Kami tidak mempunyai sebarang tanggungjawab terhadap anda, kecuali dinyatakan secara khusus.

- (iii) Pelaburan Bon / Sukuk tidak dijamin oleh kami dan tidak diinsuranskan oleh kerajaan, kecuali dinyatakan secara khusus.
- (iv) Pelaburan Bon / Sukuk melibatkan risiko pelaburan dan kemungkinan kerugian keseluruhan jumlah yang telah dilaburkan.

(b) Pendedahan Risiko Khusus untuk pelaburan Bon / Sukuk:

- (i) Risiko Pasaran – Pelaburan Bon / Sukuk akan terjejas oleh perubahan dalam pasaran atau pasaran-pasaran kewangan tertentu yang dikaitkan kepada transaksi. Dengan itu, anda akan terdedah kepada harga, pertukaran mata wang, kadar faedah atau ketidaktentuan lain dalam pasaran atau pasaran-pasaran tersebut. Anda memahami bahawa pelaburan Bon / Sukuk mungkin mengalami kerugian besar jika keadaan pasaran bergerak menentang kedudukannya.
- (ii) Risiko Kredit – Anda akan menanggung risiko kredit Penerbit. Bon / Sukuk pelaburan bukan merupakan satu deposit bank, tidak diinsuranskan oleh kerajaan, bukan tanggungjawab dan tidak dijamin oleh kami atau Kumpulan kami kecuali dinyatakan sebaliknya secara khusus. Jika kami bukan Penerbit Bon Sukuk tersebut, anda memahami bahawa Penerbit pihak ketiga berkontrak akan bertanggungjawab kepada anda di bawah pelaburan Bon / Sukuk yang dibeli oleh anda. Sewajarnya, anda telah mempertimbangkan semua risiko berkaitan dengan Penerbit pihak ketiga, termasuk kedudukan kewangan Penerbit pihak ketiga.
- (iii) Risiko Kecairan – Dalam keadaan pasaran yang buruk, anda mungkin tidak boleh mencairkan semua atau sebahagian daripada pelaburan Bon / Sukuk apabila anda ingin berbuat demikian. Sebagai tambahan, Bon / Sukuk tertentu mungkin tidak boleh dipasarkan dan oleh itu, tidak boleh dcairkan sebelum tarikh matang.
- (iv) Pembayaran Kupon / Keuntungan dan Risiko Penyelesaian – Untuk pembayaran kupon / keuntungan dan penyelesaian pada tarikh matang, prosid akan disalurkan kepada anda hanya selepas kami menerima bayaran. Pembayaran kepada anda mungkin mengambil masa sehingga 5 Hari Perniagaan dari tarikh kami menerima pembayaran.
- (v) Risiko Berdaulat – Pembayaran untuk pelaburan Bon / Sukuk mungkin terjejas oleh keadaan ekonomi atau peristiwa politik di negara Penerbit berkenaan. Peristiwa risiko berdaulat yang berlaku disebabkan oleh sebarang keadaan ekonomi atau politik boleh menyebabkan kerugian semua atau sebahagian daripada jumlah yang dilaburkan. Jika ini berlaku, bayaran akan dilakukan dalam mata wang tempatan Penerbit berkenaan dan bukan dalam mata wang asal yang dilaburkan.
- (vi) Risiko Mata Wang – Jika anda melabur dalam Bon / Sukuk yang bukan dalam mata wang tempatan, anda perlu sedar akan risiko turun naik dalam kadar pertukaran yang mungkin menyebabkan kerugian keseluruhan jumlah yang dilaburkan. Turun naik dalam mata wang asing mempunyai kesan ke atas keuntungan / kerugian Bon / Sukuk yang ditransaksikan dalam denominasi atau diselesaikan dalam mata wang yang berlainan daripada mata wang di mana anda menjalankan perniagaan lazim atau mengekalkan akaun. Anda juga mungkin terdedah kepada kawalan pertukaran yang mungkin dikenakan dari semasa ke semasa oleh pihak kerajaan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa dalam pengeluaran mata wang berkenaan dan yang mungkin mempunyai kesan ke atas kebolehtukaran atau kebolehpindahan mata wang.
- (vii) Risiko Kemungkiran – Oleh sebab Bon / Sukuk diterbitkan oleh Penerbit, pelaburan Bon / Sukuk ini bergantung kepada kebolehpercayaan Penerbit. Jika Penerbit mungkir, anda mungkin tidak akan menerima sebarang bayaran kupon / keuntungan dan / atau jumlah penyelesaian Bon / Sukuk dan anda mungkin kerugian semua atau sebahagian daripada jumlah yang dilaburkan.

(c) Pendedahan Risiko Ketidaksertaan

Anda memahami, bersetuju dan menerima bahawa apa-apa transaksi berkenaan yang diuraikan dalam Klausa 32 di bawah, ia merupakan satu terma penting mengenai kerelaan dan persetujuan kami untuk menyediakan atau terus menyediakan anda dengan Perkhidmatan, atau mana-mana bahagiannya, bahawa kami, Penjaga atau Sub-Penjaga, sebagai pemegang Bon / Sukuk (atau mana-mana bahagiannya), tidak akan bertindak ke atas atau melakukan, atau diwajibkan atau diperlukan untuk bertindak ke atas atau melakukan, semua atau mana-mana perkara yang dinyatakan dalam sub-Klausa 32.4 di bawah.

- 6.3 Anda bersetuju dan mengakui bahawa senarai dan butiran mengenai risiko berkaitan yang terkandung dalam perenggan sebelum ini adalah tidak menyeluruh dan penilaian serta analisis lanjutan mengenai risiko perlu dilakukan oleh anda sebelum anda membeli / melanggan sebarang Bon / Sukuk..

7. Maklumat Mengenai Bon / Sukuk

- 7.1 Apabila anda meminta untuk membeli / melanggan sebarang Bon / Sukuk, kami akan memberi anda edisi terbitan terbaru Dokumen Bon / Sukuk yang sedia ada oleh kami berhubung dengan Bon / Sukuk tersebut.
- 7.2 Jika Penerbit menerbitkan dokumen lanjutan atau tambahan kepada Dokumen Bon / Sukuk berhubung dengan Bon / Sukuk, kami boleh, pada permintaan anda, menyediakan dokumen tambahan sedemikian untuk penelitian atau kutipan di mana-mana cawangan yang ditetapkan oleh kami.
- 7.3 Anda mengakui bahawa Bon / Sukuk dan Penerbitannya adalah tertakluk kepada peruntukan dalam Dokumen Bon / Sukuk.
- 7.4 Dokumen Bon / Sukuk mungkin termasuk:-
(i) bahan-bahan yang dikeluarkan oleh kami;
(ii) bahan-bahan yang dikeluarkan dan disediakan kepada kami oleh Penerbit; dan / atau
(iii) maklumat statistik mengenai prestasi lampau Penerbit berkenaan.
- 7.5 Anda mengakui dan bersetuju bahawa Bon / Sukuk dilakukan hanya pada dasar maklumat yang terkandung di dalam Dokumen Bon / Sukuk yang berkenaan. Semua maklumat atau perwakilan lain daripada Kakitangan mesti dianggap sebagai tidak sah dan tidak boleh dirujuk oleh anda. Apa-apa tindakan yang dilakukan oleh kami berhubung dengan Perkhidmatan tidak boleh dianggap sebagai cadangan kami untuk Bon / Sukuk dan kami tidak bertanggungjawab untuk Bon / Sukuk tersebut ataupun prestasinya.
- 7.6 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, melainkan disebabkan oleh kecuaiian melampau atau salah laku sengaja, kami tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan oleh anda untuk:-
(i) apa-apa kerugian yang anda mungkin alami atau tanggung berhubung dengan sebarang transaksi yang dimasuki atau langkah yang diambil atau gagal diambil oleh anda akibat pergantungan anda pada Dokumen Bon / Sukuk; dan
(ii) apa-apa kesilapan, salah nyata atau peninggalan dalam mana-mana Dokumen Bon / Sukuk setakat.

8. Perwakilan dan Jaminan

- 8.1 Penerimaan kami bagi permohonan pembukaan Akaun anda dan penyediaan Perkhidmatan adalah bergantung kepada perwakilan dan jaminan berikut oleh anda, di mana semuanya perlu dipatuhi dalam segala aspek penting sepanjang tempoh pengekal Akaun:-
(i) anda mempunyai keupayaan penuh dan kuasa untuk membuka, mengekalkan dan mengendalikan Akaun dan Bon / Sukuk yang anda kini mempunyai atau mungkin akan dipunyai pada masa hadapan dengan kami dan memberikan kami arahan berhubung dengan Akaun dan Perkhidmatan serta untuk menerima dan bersetuju akan Terma dan Syarat ini;
(ii) tidak ada individu lain selain daripada anda yang mempunyai kepentingan dalam Akaun dan/atau Bon / Sukuk;

- (iii) anda belum melakukan sebarang lien, caj, cagaran, pemindahan, penyerahan hak atau sebaliknya membebaskan wang dalam Akaun;
- (iv) bahawa anda tidak melakukan apa-apa tindakan kebangkrutan dan tiada prosiding kebangkrutan telah dimulakan atau diancam terhadap anda;
- (v) bahawa tiada Peristiwa Kemungkinan telah berlaku atau sedang berlaku;
- (vi) anda tidak mungkir di bawah sebarang perjanjian dan tiada litigasi, timbang tara atau prosiding pentadbiran sedang diambil atau akan diambil yang mungkin menjejaskan kemampuan anda secara material atau sebaliknya mengurangkan atau menjejaskan keupayaan anda untuk melaksanakan tanggungjawab anda di bawah Terma dan Syarat ini;
- (vii) anda tidak melanggar apa-apa peruntukan dalam sebarang undang-undang, perintah mahkamah dan penghakiman;
 - (a) bahawa semua dokumen, butiran dan perakuan yang diberikan oleh anda berkenaan dengan permohonan Akaun, Perkhidmatan dan Bon / Sukuk adalah tepat dan betul dalam semua perkara;
 - (b) bahawa anda tidak menyedari dan tidak menyembunyikan sebarang maklumat secara sengaja atau fakta yang boleh menyebabkan atau membawa kepada pembukaan Akaun dan/atau Bon / Sukuk, yang menyebabkan kami melanggar sebarang Undang-undang yang Digunakan;
 - (c) bahawa anda tidak terlibat dalam sebarang aktiviti haram dan semua wang yang diberikan kepada kami tidak berasal dalam apa-apa cara sekalipun daripada aktiviti haram
- (viii) anda tidak bergantung kepada apa-apa komunikasi daripada kami sebagai nasihat pelaburan atau sebagai cadangan untuk memasuki sesuatu transaksi. Anda memahami bahawa maklumat dan penjelasan dari kami berhubung dengan terma dan syarat Bon dan / atau Dokumen Bon tidak akan dianggap sebagai nasihat pelaburan atau cadangan dari kami untuk memasuki sesuatu pelaburan;
- (ix) anda menerima bahawa Bon adalah tertakluk kepada risiko pelaburan, khususnya yang dinyatakan dalam Penyata Pendedahan Risiko dan Klausula 6.2 di atas, termasuk kemungkinan kerugian jumlah prinsipal yang dilaburkan dan anda menyedari sepenuhnya akan risiko yang terlibat dalam pelaburan Bon, dan akan mendapatkan versi terkini Dokumen Bon yang tersedia pada tarikh sebarang transaksi dari kami atau Penerbit atau peniaga bon;
- (x) bahawa anda merupakan seorang Pelabur Sofistikated; dan
- (xi) bahawa anda bukan seorang Rakyat AS.

8.2 Perwakilan dan jaminan anda yang terkandung dalam Klausula 8 ini akan kekal selagi anda mengekalkan Akaun dengan kami.

9. Perwakilan dan Jaminan Jenayah Kewangan

9.1 Kami berhak untuk mengambil semua tindakan yang kami anggap sesuai bagi memenuhi sebarang kewajipan atau syarat, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, berhubung dengan pengesanan, penyiasatan dan pencegahan jenayah kewangan termasuk penipuan, pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah, sogokan, atau pengelakan cukai atau penguatkuasaan apa-apa sekatan ekonomi atau perdagangan ("Jenayah Kewangan").

Anda memahami dan bersetuju bahawa jika apa-apa aktiviti, kelakuan atau keadaan yang melibatkan anda (secara langsung atau tidak langsung) boleh mendedahkan kami kepada risiko undang-undang atau reputasi, atau tindakan pengawalseliaan atau penguatkuasaan yang sebenar atau berpotensi, kami akan pada bila-bila masa, setakat yang dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang, berhak untuk melakukan yang berikut dengan serta-merta:-

- (a) melaksanakan semua hak kami seperti yang dinyatakan dalam Klausula 18;
- (b) menutup semua akaun dan menamatkan semua perkhidmatan yang anda ada dengan kami; dan
- (c) membuat laporan dan mengambil tindakan lain yang kami mungkin anggap sesuai.

Anda berjanji bahawa anda tidak akan memulakan, melibatkan diri atau menjalankan transaksi (secara langsung atau tidak langsung) yang mungkin melibatkan Jenayah Kewangan dan bersetuju untuk tidak menyalahkan kami, melindungi kami dan kekal melindungi kami daripada dan terhadap sebarang dan semua liabiliti, tuntutan, tanggungjawab, kerugian, ganti rugi, denda, tindakan, penghakiman, saman, kos (termasuk,

tetapi tidak terhad kepada kos undang-undang atas dasar indemniti penuh), perbelanjaan dan pembayaran dalam apa-apa bentuk sekalipun yang mungkin dialami atau ditanggung oleh kami yang berhubung dengan atau timbul daripada sebarang pelanggaran perjanjian ini oleh anda.

- 9.2 Anda mewakili dan menjamin bahawa anda tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau kelakuan atau tidak mengambil apa-apa tindakan, secara langsung atau tidak langsung, yang akan melanggar sebarang undang-undang antirasuah dan antipenyelewengan yang digunakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ("SPRM"), United Kingdom Bribery Act 2010 ("UK Bribery Act") dan U.S. Foreign Corrupt Practices Act of 1977 ("FCPA") Anda selanjutnya mewakili dan menjamin bahawa anda, sepanjang pengetahuan anda, akan mematuhi SPRM, UK Bribery Act, FCPA serta undang-undang, peraturan atau pengawalan yang sama,

10. Pembelian / Langganan dan Penebusan Bon / Sukuk

10.1 Anda boleh:-

- (i) memohon untuk membeli / melanggan mana-mana Bon / Sukuk; dan / atau
- (ii) menebus mana-mana Bon / Sukuk,

dengan melengkapkan dan menyerahkan Borang Tindakan Pelaburan Bon / Sukuk dan / atau apa-apa borang lain sedemikian yang mungkin ditetapkan oleh kami dari semasa ke semasa. Bagi tujuan ini, anda dengan ini memberi kuasa kepada kami untuk memperuntukkan Akaun Penyelesaian tanpa pemberian notis selanjutnya dan rujukan kepada anda untuk jumlah wang sedemikian bagi pembayaran pembelian / langganan Bon / Sukuk. Anda seterusnya bersetuju bahawa apabila diminta sedemikian oleh kami, anda akan mengkreditkan dana yang mencukupi dengan serta-merta ke dalam Akaun Penyelesaian untuk pembelian / langganan Bon / Sukuk. Anda mengakui bahawa kami tidak mempunyai kewajipan untuk meneruskan pembelian / langganan Bon / Sukuk jika wang dalam Akaun Penyelesaian tidak mencukupi untuk menyelesaikan harga pembelian / langganan Bon / Sukuk.

- 10.2 Anda mesti memberi pertimbangan teliti bagi setiap Bon / Sukuk. Anda perlu membuat keputusan bebas untuk membeli / melanggan Bon / Sukuk, dan mendapatkan nasihat daripada penasihat profesional anda sama ada Bon / Sukuk tersebut adalah berpatutan atau sesuai untuk anda. Anda tidak harus bergantung pada mana-mana komunikasi daripada kami sebagai nasihat pelaburan atau sebagai cadangan untuk memasuki transaksi. Anda bersetuju dan menerima bahawa kami tidak mempunyai kewajipan fidusiari atau apa-apa kewajipan lain atau nasihat dan kemahiran kepada anda dan anda memahami bahawa maklumat dan penjelasan berhubung dengan terma dan syarat sesuatu Bon / Sukuk dan / atau kandungan dalam Dokumen Bon / Sukuk tidak akan dianggap sebagai nasihat pelaburan atau cadangan untuk membeli / melanggan Bon / Sukuk.

- 10.3 Kami boleh pada budi bicara mutlak kami memilih untuk tidak menerima permohonan anda berhubung dengan pembelian / langganan atau penebusan mana-mana Bon / Sukuk atau menolak untuk bertindak ke atas mana-mana arahan anda.

- 10.4 Pembelian / Langganan Bon / Sukuk yang kami serahkan untuk anda mengikut arahan anda akan dilakukan atas nama kami atau nama Penjaga. Sebarang nota kontrak, transaksi atau penyata / makluman pengesahan yang dikeluarkan oleh peniaga Bon / Sukuk berhubung dengan Bon / Sukuk akan dihantar terus kepada kami atau Penjaga, dan apa-apa Bon / Sukuk yang diperuntukkan oleh peniaga Bon / Sukuk menurut permintaan pembelian / langganan akan dipegang oleh kami atau Penjaga untuk dan bagi pihak anda, dan jika perlu, didaftarkan atas nama kami atau nama Penjaga, bagi pihak anda.

10.5 Anda mengakui dan bersetuju bahawa:-

- (i) peniaga Bon / Sukuk tidak diwajibkan untuk menerima apa-apa permintaan pembelian / langganan yang kami serahkan bagi pihak anda secara keseluruhan atau sebahagian;
- (ii) kami dan Penjaga tidak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa peniaga Bon / Sukuk memperuntukkan mana-mana Bon / Sukuk untuk anda dan kami tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian, termasuk sebarang kehilangan peluang pelaburan yang anda mungkin alami

- akibat daripada sebarang penolakan atau kelewatan dalam penerimaan permintaan pembelian / langganan oleh peniaga Bon / Sukuk; dan
- (iii) tanggungjawab kami atau Penjaga adalah semata-mata untuk melaksanakan arahan yang diberikan oleh anda kepada kami tertakluk kepada Terma dan Syarat ini.

10.6 Kami tidak perlu melakukan apa-apa di luar waktu perniagaan lazim perbankan Malaysia. Jika kami:-

- (i) menerima arahan daripada anda sekurang-kurangnya dua jam sebelum masa terakhir untuk peniaga Bon / Sukuk menerima permintaan pembelian / langganan atau permintaan untuk penebusan, kami akan menggunakan segala usaha munasabah untuk menghantar faks atau menyampaikan permintaan tersebut kepada peniaga Bon / Sukuk supaya ia dimasukkan pada Hari Berurusan yang sama;
- (ii) menerima arahan daripada anda lewat daripada masa yang dinyatakan dalam Klausa 10.6 (i) di atas, kami akan menggunakan segala usaha munasabah untuk menghantar faks atau menyampaikan permintaan tersebut kepada peniaga Bon / Sukuk supaya ia dimasukkan pada Hari Berurusan yang berikutnya.

Bagi tujuan klausa ini, kami akan menyediakan maklumat atas permintaan anda mengenai Hari Berurusan serta tempoh terakhir untuk menerima permintaan pembelian / langganan atau penebusan.

10.7 Semua arahan yang diberikan oleh anda berhubung dengan Bon / Sukuk adalah muktamad dan akan mengikat anda.

10.8 Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan dalam melaksanakan permintaan berhubung dengan Bon / Sukuk yang disebabkan oleh kerosakan atau kegagalan infrastruktur penghantaran atau komunikasi, atau untuk apa-apa sebab lain di luar kawalan kami.

10.9 Anda hanya akan berhak kepada Bon / Sukuk pada:-

- (i) penerbitan pengesahan pesanan atau penyata oleh kami atau Penjaga kepada anda, bagi mengesahkan pembelian / langganan Bon / Sukuk; dan
- (ii) penyelesaian sepenuhnya oleh anda untuk harga langganan / pembelian Bon / Sukuk.

10.10 Bagi mengelakkan keraguan, semua bayaran tunai yang akan dilakukan oleh kami kepada anda di bawah Terma dan Syarat ini, kecuali diperuntukkan sebaliknya di bawah Terma dan Syarat ini, adalah bersih daripada semua fi, caj, kos dan perbelanjaan yang dikenakan atau ditanggung oleh kami berhubung dengan Bon / Sukuk. Jika kami atau Penjaga menerima apa-apa bayaran untuk Bon / Sukuk bagi pihak anda, kami atau Penjaga akan mengkreditkan pembayaran ke dalam Akaun Penyelesaian dengan secepat mungkin yang dapat dilaksanakan. Kami dan Penjaga tidak akan bertanggungjawab untuk mengesahkan kecukupan wang berhubung dengan mana-mana Bon / Sukuk yang kami terima bagi pihak anda.

10.11 Jika, pada bila-bila masa dan untuk apa-apa sebab, Penerbit mengarahkan kami atau Penjaga, sebagai pemegang berdaftar Bon / Sukuk, untuk melepaskan, memindahkan atau sebaliknya melupuskan mana-mana Bon / Sukuk mengikut terma dan syarat yang mentadbir pengendalian sebarang Bon / Sukuk, kami akan mendapatkan arahan anda dengan serta-merta mengenai cara anda ingin meneruskannya. Jika kami tidak menerima arahan anda dalam tempoh masa yang dinyatakan untuk penerimaan arahan anda dan / atau anda gagal bersetuju dengan langkah tindakan yang memuaskan dengan Penerbit dalam apa-apa tempoh masa yang dinyatakan untuk tujuan ini, kami akan menebus, atau mendapatkan Penjaga untuk menebus Bon / Sukuk yang berkaitan dan membayar prosid kepada anda dengan cara yang berikut:-

- (i) jika prosid adalah dalam bentuk wang, prosid tersebut akan dibayar ke dalam Akaun Penyelesaian;
- (ii) jika prosid adalah dalam bentuk Bon / Sukuk lain, Bon / Sukuk sedemikian akan dikreditkan ke dalam Akaun.

10.12 Kami tidak diwajibkan untuk menyediakan sebarang Perkhidmatan untuk pembelian / langganan mana-mana Bon / Sukuk yang tidak didaftarkan di bawah nama Bank, Penjaga atau Sub-Penjaga.

- 10.13 Harga terbitan dan harga penebusan ditentukan oleh Penerbit mengikut hari terbitan Bon / Sukuk. Sebarang harga atau nilai yang diberi oleh kami berhubung dengan apa-apa Bon / Sukuk adalah indikatif sahaja dan bukan muktamad dan terikat kecuali kami mengesahkan harga atau nilai tersebut secara bertulis.
- 10.14 Anda tidak boleh menebus apa-apa Bon / Sukuk sehingga (a) Bon / Sukuk telah berjaya didaftarkan di bawah nama kami; dan (b) anda telah membayar sepenuhnya untuk Bon / Sukuk Bon / Sukuk termasuk bayaran faedah bagi penyelesaian lewat, fi, komisen, cukai, duti, levi, caj pembrokeran dan caj perbankan lain (jika ada).
- 10.15 Harga pembelian / langganan Bon / Sukuk mesti dibayar sepenuhnya pada tarikh penyelesaian Bon / Sukuk. Jika tidak, kami berhak untuk menjual Bon / Sukuk yang belum dibayar pada bila-bila masa pada sebarang harga dan atas apa-apa terma yang kami anggap sesuai mengikut Klausula 15(ii) di bawah, tanpa rujukan dan notis seterusnya kepada anda. Sebarang kerugian yang dialami atau perbelanjaan yang ditanggung oleh kami untuk jualan tersebut, pada kadar faedah yang semata-matanya ditentukan oleh kami, akan dianggap sebagai hutang yang perlu dibayar oleh anda kepada kami dan perlu dibayar balik dengan serta-merta oleh anda apabila diminta. Sebarang keuntungan atau laba daripada Bon / Sukuk akan dilupakan oleh kami dan anda tidak boleh melakukan apa-apa tuntutan sekalipun ke atas keuntungan atau laba tersebut.
- 10.16 Dengan ini, anda bersetuju bahawa kami tidak bertanggungjawab dalam apa-apa cara sekalipun terhadap sebarang kerugian atau ganti rugi bagaimana sekalipun timbul atau disebabkan oleh apa-apa jualan atau pelupusan Bon / Sukuk sama ada dari segi harga, masa atau terma untuknya atau sebaliknya.
- 10.17 Kami, Penjaga atau Sub-Penjaga tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan oleh anda dalam apa-apa cara jika sebarang dokumen berhubung dengan Bon / Sukuk, pembelian / langganan dan transaksi penebusan hilang, dimusnahkan atau tersalah letak bukan akibat kesalahan kami atau disebabkan oleh kebakaran, banjir, kekecohan awam, kerosakan atau pincang tugas komputer, talian sambungan terminal, sistem pemprosesan data atau talian transmisi atau mana-mana peralatan lain sama ada ia milik kami atau sebaliknya, peristiwa *force majeure*, iaitu suatu peristiwa yang tidak dapat diramalkan yang menghalang kami daripada menjalankan tanggungjawab kami, bencana alam atau peristiwa atau keadaan lain di luar kawalan kami.
- 10.18 Meskipun apa-apa yang terkandung di dalam Terma dan Syarat ini, kami berhak untuk menjual Bon / Sukuk anda pada bila-bila masa pada harga sedemikian dan terma sedemikian yang kami anggap sesuai, jika anda gagal mematuhi sebarang undang-undang dan peraturan yang terpakai, termasuk tetapi tidak terhad kepada Notis Polisi Pertukaran Asing Bank Negara Malaysia.

11. Penjagaan Bon / Sukuk

- 11.1 Kami berhak melakukan sebarang pengaturan sedemikian yang kami mungkin anggap sesuai untuk memegang Bon / Sukuk anda dalam penjagaan selamat, termasuk melantik seorang Penjaga. Jika kami telah mengambil usaha dan kemahiran yang munasabah dalam pemilihan Penjaga, kami tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa tindakan atau peninggalan oleh Penjaga berhubung dengan Bon / Sukuk dalam jagaan beliau. Jika Bon / Sukuk tersebut didaftar di bawah nama Penjaga, kami akan mengarahkan Penjaga untuk mencatat dan memegangnya dalam akaun yang berasingan untuk semua Bon / Sukuk yang diterima dan dipegang oleh beliau dari semasa ke semasa untuk anda atas apa-apa terma sedemikian dan mengikut cara yang kami boleh tentukan, dan di atas akan didedahkan kepada anda pada permintaan anda.
- 11.2 Anda bersetuju bahawa kami dan Penjaga berhak untuk melantik Sub-Penjaga berhubung dengan mana-mana Bon / Sukuk yang dipegang oleh kami dan / atau Penjaga di bawah Terma dan Syarat ini, pada terma sedemikian yang kami mungkin anggap sesuai. Jika kami dan / atau Penjaga telah menjalankan usaha dan kemahiran munasabah dalam pemilihan Sub-Penjaga, kami dan Penjaga tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan untuk apa-apa tindakan atau peninggalan oleh Sub-Penjaga berhubung dengan Bon / Sukuk dalam jagaannya.
- 11.3 Sebarang Bon / Sukuk yang dipegang oleh kami, Penjaga atau Sub-Penjaga adalah pada risiko anda sendiri. Tugas kami, Penjaga atau Sub-Penjaga adalah semata-matanya terhad sebagai pemegang amanah asas

dan bertindak dengan niat baik berhubung dengan apa-apa tindakan atau kegagalan untuk bertindak berkenaan dengan penjagaan sedemikian. Kami, Penjaga atau Sub-Penjaga tidak mempunyai apa-apa kewajipan atau tanggungjawab untuk meneliti atau mengesahkan kesahihan atau pemilikan atau hak milik Bon / Sukuk dan kami tidak bertanggungjawab kepada anda untuk apa-apa kecacatan dalam pemilikan atau hak milik.

- 11.4 Kami, Penjaga atau Sub-Penjaga akan melaksanakan dokumen, sijil dan dokumen lain sedemikian yang anda minta secara munasabah untuk tujuan fiskal atau cukai berkaitan dengan Bon / Sukuk, dan akan melakukan permohonan dan / atau laporan yang diperlukan oleh undang-undang untuk mendapatkan keistimewaan cukai yang anda mungkin layak terima berhubung dengan Bon / Sukuk, selagi anda melindungi kami, Penjaga atau Sub-Penjaga secara memuaskan dan menyediakan kami, Penjaga atau Sub-Penjaga dengan apa-apa bukti yang menunjukkan kelayakan sedemikian yang kami, Penjaga atau Sub-Penjaga mungkin perlukan.

12. Penutupan dan Penamatan Akaun

- 12.1 Anda boleh menutup Akaun di Cawangan dengan memberikan notis bertulis dalam bentuk dan kandungan yang boleh diterima oleh kami, dan menyelesaikan semua jumlah tertunggak (prinsipal, faedah dan sebarang kos lain) jika ada, yang perlu dibayar kepada kami.
- 12.2 Walau dengan apa-apa yang terdapat dalam Terma dan Syarat ini, kami boleh menutup, menarik balik, menggantung atau menamatkan Akaun dan Perkhidmatan:-
- (a) sebagaimana yang kami anggap sesuai dengan pemberian notis terlebih dahulu kepada anda;
 - (b) jika Akaun tidak aktif dan tiada Bon / Sukuk dalam Akaun untuk tempoh berterusan selama 12 bulan, dengan pemberian notis bertulis terlebih dahulu kepada anda;
 - (c) jika anda tidak mengikuti arahan kami berhubung dengan Terma dan Syarat ini atau jika, pada pendapat kami, anda gagal mematuhi sebarang undang-undang dan peraturan yang digunakan;
 - (d) jika pada pendapat kami Akaun tidak dikendalikan dengan cara yang biasa atau sepatutnya;
 - (e) jika anda mengancam untuk melanggar atau anda telah melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini atau terma dan / atau syarat lain yang digunakan ke atas anda atau mana-mana perjanjian lain sama ada berhubung dengan pinjaman dana atau pemberian pendahuluan atau kredit atau sebaliknya;
 - (f) jika anda memberikan kami maklumat yang tidak benar, tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan;
 - (g) jika anda tidak membayar apa-apa jumlah yang perlu dibayar kepada kami tepat pada masanya;
 - (h) jika anda meninggal dunia atau menjadi tidak berupaya, tidak waras, tidak mampu bayar, bankrap atau tertakluk kepada prosiding kehakiman;
 - (i) jika sesuatu peristiwa kemungkiran berlaku di bawah mana-mana perjanjian atau pengaturan lain di antara kami;
 - (j) jika penyiasatan oleh pihak polis, pihak berkuasa atau pengawal selia masih belum selesai, berterusan atau diancam terhadap anda;
 - (k) jika anda telah didakwa atau disabitkan dengan sebarang kesalahan jenayah atau mempunyai sebarang rekod jenayah;
 - (l) jika apa-apa laporan telah dibuat terhadap anda di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Akta Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001;
 - (m) jika lokasi anda tidak diketahui oleh kami;
 - (n) jika anda menjadi seorang Rakyat AS;
 - (o) jika kami memutuskan bahawa terdapat sebarang perubahan dalam keadaan pasaran yang akan menyebabkan penerusan Akaun dan Perkhidmatan sebagai tidak praktikal buat sementara waktu atau secara kekal atau tidak wajar dari segi komersial;
 - (p) jika anda menggunakan Akaun, Perkhidmatan dan / atau Bon / Sukuk untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang; atau
 - (q) jika kami mempunyai atau menerima pemberitahuan mengenai sebarang perubahan dalam status anda sebagai Pelabur Sofistikated.
- 12.3 Anda tidak boleh menggunakan Akaun dan / atau Perkhidmatan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. Jika kami mendapati, mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Akaun dan / atau Perkhidmatan anda telah atau sedang digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi

undang-undang, kami boleh mengambil apa-apa tindakan yang dianggap wajar bagi memenuhi sebarang tanggungjawab atau keperluan di Malaysia atau di tempat lain berhubung dengan pencegahan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, pengubahan wang haram, aktiviti keganasan, sogokan, rasuah atau pengelakan cukai atau penguatkuasaan mana-mana sekatan ekonomi atau perdagangan. Tindakan yang kami mungkin ambil termasuk penutupan Akaun dengan serta-merta, menamatkan Perkhidmatan serta membuat laporan dan mengambil tindakan sedemikian yang kami anggap wajar.

- 12.4 Perkhidmatan ini akan ditamatkan secara automatik dan serentak pada penutupan Akaun menurut Klausu 12 ini.
- 12.5 Kami berhak, menurut penilaian kami, untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Perkhidmatan secara keseluruhan atau sebahagiannya, pada bila-bila masa dengan pemberian notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Perkhidmatan oleh kami tidak melayakkan anda untuk mengemukakan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap kami untuk apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh anda sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat daripada sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan sedemikian.
- 12.6 Jika anda meninggal dunia, melakukan suatu tindakan kebangkrapan atau kurang keupayaan mental dan Akaun bukanlah akaun bersama, kami mungkin menggantung Akaun dan Perkhidmatan tanpa bertanggungjawab kepada anda sehingga kami terima, pada kepuasan kami, bukti seseorang individu yang mempunyai kuasa undang-undang untuk mengendali Akaun dan menguruskan Bon / Sukuk.
- 12.7 Pada penutupan / pembatalan / penamatan Akaun anda mesti:-
- (a) melaksanakan dokumen sedemikian yang mungkin diperlukan untuk memindah Bon / Sukuk daripada kami dan / atau Penjaga dengan serta-merta kepada mana-mana pihak lain yang mungkin dilantik oleh anda untuk memegang Bon / Sukuk bagi pihak anda. Jika tidak, kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang anda mungkin alami akibat ketiadaan tindakan atau peninggalan anda;
 - (b) membayar semua fi, kos, cukai, caj, perbelanjaan, cukai, duti, levi dan jumlah tertunggak sehingga tarikh penutupan / pembatalan / penamatan Akaun; dan
 - (c) membayar kami sepenuhnya untuk sebarang kos bagi pemindahan Bon / Sukuk.
- 12.8 Tanpa menjejaskan Klausu 12.7(a) di atas, anda bersetuju dan membenarkan kami menjual Bon / Sukuk sedemikian mengikut cara yang kami anggap sesuai menurut Klausu 15(ii) di bawah. Prosid bersih daripada jualan akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyelesaian atau mana-mana akaun lain yang dikekalkan oleh anda. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian dalam penjualan Bon / Sukuk atau untuk sebarang kerugian atau penyusutan nilai Bon / Sukuk yang timbul daripada atau melalui apa-apa sebab. Kecuali berlaku kesilapan nyata (contohnya, percanggahan dalam transaksi) atau penipuan, UOB Malaysia akan mempertimbangkan pertanyaan atau rayuan hanya jika terdapat bukti munasabah bagi kecuai melampau atau salah laku sengaja yang berkenaan dengan masa, harga dan terma jualan Bon / Sukuk.
- 12.9 Apa-apa kewajipan pembayaran oleh kami kepada anda selepas penutupan atau pembatalan / penamatan Akaun dan / atau Perkhidmatan akan dianggap memadai dan dilepaskan secara wajar dalam bentuk wang tunai, draf atau perintah juruwang atau dalam apa-apa cara lain sebagaimana yang kami anggap sesuai.

13. Penyataan, Kemasukan dan Pengesahan

- 13.1 Kami mungkin menghantar penyata akaun ("Penyata Akaun") atau makluman pengesahan kepada anda melalui pos biasa secara bulanan atau pada dasar berkala sedemikian yang mungkin dianggap sesuai oleh UOB Malaysia. Jika tidak ada pergerakan di dalam Akaun, Penyata Akaun akan dihantar pada dasar tahunan.
- 13.2 Kami mungkin, atas permintaan anda, menghantar penyata bercetak kepada anda tertakluk kepada pembayaran fi lazim semasa kepada kami seperti yang kami tentukan.
- 13.3 Anda bertanggungjawab untuk:-

- (i) memeriksa semua kemasukan dalam Penyata Akaun dan / atau makluman pengesahan;
- (ii) melaporkan kepada kami dengan serta-merta jika terdapat sebarang kesilapan atau peninggalan dalam Penyata Akaun dan / atau makluman pengesahan;
- (iii) menandatangani dan mengembalikan sebarang slip pengesahan, termasuk apa-apa yang diperlukan bagi tujuan audit (jika diperlukan untuk berbuat demikian); dan
- (iv) memaklumkan kami dengan segera jika anda tidak menerima Penyata Akaun dan / atau makluman pengesahan dan / atau resit rasmi;
- (v) memantau semua transaksi, baki dan Bon / Sukuk anda sepanjang masa dan laporkan kepada kami jika anda mendapati apa-apa transaksi yang tidak dibenarkan.

13.4 Jika kami tidak menerima bantahan secara bertulis daripada anda dalam tempoh lima belas (15) hari dari Penyata Akaun atau makluman pengesahan, sebagaimana kes yang mungkin berlaku:-

- (i) anda akan dianggap secara muktamad:-
 - (a) telah menerima, dan akan terikat oleh kesahan, kebenaran dan ketepatan transaksi / kemasukan serta baki yang dinyatakan dalam penyata atau makluman tersebut; dan
 - (b) telah menentusahkan dan mengesahkan setiap dan semua transaksi yang diwakili oleh kemasukan yang dinyatakan dalam penyata atau makluman tersebut.
- (ii) penyata, makluman atau kemasukan, sebagaimana kes yang mungkin berlaku, akan dianggap sebagai bukti muktamad bagi arahan anda dan kebenaran kepada kami untuk melaksanakan transaksi / kemasukan yang dinyatakan dalam penyata, makluman atau kemasukan; dan
- (iii) anda tidak akan mempunyai tuntutan terhadap kami berhubung dengan atau disebabkan oleh sebarang transaksi / kemasukan yang dirujuk dalam penyata, makluman atau kemasukan, kecuali berlaku kesilapan nyata (contohnya, perbuatan penipuan atau kemasukan yang salah).

13.5 Pembalikan: Kami berhak untuk melaraskan, membalikkan atau membatalkan apa-apa kemasukan ke dalam Akaun pada bila-bila masa jika:-

- (i) kami perlu membetulkan sebarang kesilapan atau peninggalan;
- (ii) kami dikehendaki memulangkan dana yang didebitkan daripada Akaun Penyelesaian kepada pembayar atau atau penyuruh bayar; atau
- (iii) kami belum menerima dana yang dijelaskan atau tanpa syarat sepenuhnya atau tepat pada masanya;

dan mana-mana Penyata Akaun yang dibetulkan akan mengikat anda.

13.6 Sebarang permintaan untuk Penyata Akaun tambahan mesti dilakukan secara bertulis kepada kami dan akan tertakluk kepada caj sedemikian yang kami mungkin tentukan dari semasa ke semasa.

14. Penyimpanan Rekod Anda

Anda bersetuju bahawa Bank tidak diwajibkan untuk mengekalkan sebarang rekod Akaun anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada borang pembukaan akaun, penyata, dokumen berhubung dengan Bon / Sukuk, surat-menyurat atau dokumen yang disediakan kepada Bank oleh anda atau mana-mana pihak ketiga, melebihi sebarang tempoh pengekalan seperti yang dinyatakan di bawah polisi dalaman, garis panduan dan prosedur Bank dan / atau sebagaimana yang diperuntukkan di bawah sebarang undang-undang atau peraturan yang digunakan di mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank.

15. Keselamatan dan Hak Lain UOB Malaysia

Tanpa prasangka dan sebagai tambahan kepada sebarang hak lain yang kami mungkin miliki:-

- (i) Kami mempunyai lien ke atas Bon / Sukuk yang didepositkan dengan kami, Penjaga atau Sub-Penjaga sama ada melalui cagaran, gadai janji atau untuk penjagaan selamat, untuk sebarang wang yang belum dibayar, fi, komisen, caj pembrokeran dan caj perbankan lain, perbelanjaan, cukai, duti,

levi, kos dan pembayaran yang perlu dibayar, berhutang atau ditanggung oleh kami pada masa kini, masa hadapan, sebenar atau di luar jangkaan, utama atau kolateral, berasingan atau bersama, sama ada berhubung dengan Bon / Sukuk atau mana-mana akaun lain yang anda kekal dengan kami sama ada secara berasingan atau bersama dengan individu lain dan sama ada sebagai penghutang utama atau penjamin.

- (ii) Kami mempunyai kuasa untuk menjual semua atau mana-mana Bon / Sukuk anda melalui lelong awam, tender atau perjanjian swasta. Walau bagaimanapun, jualan tersebut tidak boleh dilaksanakan sehingga tamat tempoh empat belas (14) hari dari tempoh notis bertulis yang menuntut pembayaran jumlah yang perlu dibayar dan pemberian notis menyatakan niat untuk menjual berikutan kemungkinan. Kami mungkin mendapat balik prosid jualan untuk semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung sempena pelaksanaan jualan.
- (iii) Kami mempunyai hak, tetapi tidak diwajibkan untuk, membeli Bon / Sukuk di mana kami mempunyai lien selepas kami memberi notis bertulis kepada anda untuk membayar jumlah yang perlu dibayar dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh notis dan niat kami untuk membeli Bon berikutan kemungkinan pembayaran. Pembelian adalah pada harga belian lazim kami pada waktu tersebut untuk pembelian Bon / Sukuk sedemikian.
- (iv) Prosid yang perlu dibayar oleh kami berikutan sesuatu pembelian di bawah klausa 15(iii) di atas akan digunakan dalam pembayaran semua fi, caj dan wang yang perlu dibayar, berhutang atau ditanggung oleh kami. Sebarang baki, jika ada, akan dibayar kepada anda.

16. Hak Penyelesaian dan Penggabungan

- 16.1 Sebagai tambahan kepada sebarang hak am untuk menolak selesai di bawah undang-undang atau mana-mana perjanjian lain, anda bersetuju bahawa kami boleh, pada bila-bila masa menggabungkan, mencantumkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun anda (sama ada akaun semasa, deposit, pinjaman atau sebaliknya) dengan kami, sama ada secara tunggal atau bersama dengan individu lain, termasuk akaun yang terletak di luar negara, dengan memberikan notis kepada anda terlebih dahulu. Anda membenarkan kami, selepas memberikan anda notis tujuh (7) hari, untuk menolak selesai atau memindah sebarang jumlah tertunggak yang berada dalam kredit untuk mana-mana akaun sedemikian (sama ada matang atau tidak) ("Deposit") untuk atau terhadap penyelesaian mana-mana liabiliti anda kepada kami di bawah Terma dan Syarat ini atau di bawah mana-mana perjanjian lain atau untuk apa-apa perkara lain, sama ada liabiliti tersebut adalah untuk masa kini atau masa hadapan, sebenar atau di luar jangkaan, utama atau kolateral, dan berasingan atau bersama ("Liabiliti").
- 16.2 Pada pengeluaran notis yang dinyatakan dalam Klausa 16.1 Terma dan Syarat ini, anda bersetuju bahawa kami berhak untuk menguntukkan atau memegang Deposit, sebelum penyelesaian dan anda tidak layak untuk mengeluarkan sebarang Deposit, tanpa persetujuan kami secara bertulis terlebih dahulu.
- 16.3 Di mana penyatuan, penyelesaian, penggabungan atau pemindahan memerlukan penukaran dari satu mata wang ke yang lain, penukaran sedemikian akan dikira pada kadar pertukaran kami seperti yang kami tentukan.
- 16.4 Seterusnya, kami boleh menjual sebarang kolateral yang termasuk tetapi tidak terhad kepada dana, dokumen, instrumen, catel, bon / sukuk, debentur, saham atau sekuriti lain serta barang bernilai lain yang dipegang oleh kami dalam nama anda, termasuk untuk penjagaan selamat, melalui jualan awam atau peribadi tanpa sebarang prosiding kehakiman, dan mengekalkan prosid daripada jualan tersebut, keseluruhan jumlah yang patut dan perlu dibayar oleh anda kepada kami, termasuk fi dan kos guaman (pada dasar indemniti penuh), caj dan perbelanjaan sampingan lain berhubung dengan jualan sedemikian.
- 16.5 Jika terdapat kekurangan antara jumlah dijangka dan jumlah terealisasi, anda mesti membayar jumlah perbezaan tersebut kepada kami dengan serta-merta apabila diminta, dan sehingga kami menerima bayaran sepenuhnya, anda juga perlu membayar faedah ke atas baki tersebut pada kadar sedemikian yang kami mungkin tentukan dari semasa ke semasa, selepas dan sebelum apa-apa penghakiman, dan tidak mengira sama ada hubungan bank dan pelanggan antara anda dan kami telah terhenti atau ditamatkan.

- 16.6 Deposit atau Bon / Sukuk atau mana-mana hak, hak milik atau kepentingan anda dalamnya tidak boleh diserahkan hak, dipindah atau dibebankan (melainkan untuk kepentingan kami atau dengan kebenaran bertulis kami). Anda berjanji untuk tidak, atau tidak bertujuan untuk, menjual, menyerahkan hak, memindah, menggadai janji, mengenakan caj atau sebaliknya mengurus atau membebankan Bon / Sukuk atau mana-mana hak, hak milik atau kepentingan anda dalamnya, dan apa-apa jualan, penyerahan hak, pemindahan, gadai janji, caj atau urusan lain akan menjadi tidak sah.

17. Fi, Caj Dan Hak untuk Mendebit

- 17.1 Anda perlu memastikan bahawa dana yang mencukupi didapati dalam Akaun Penyelesaian pada setiap masa bagi semua bayaran termasuk pembelian / langganan Bon / Sukuk, fi dan caj yang perlu dibayar oleh anda berhubung dengan Akaun, Perkhidmatan dan / atau Bon / Sukuk, dan anda membenarkan kami untuk mendebit bayaran tersebut daripada Akaun Penyelesaian sebagaimana dan apabila ia perlu dibayar.
- 17.2 Anda mungkin perlu membayar fi dan caj bagi penggunaan Akaun dan / atau Perkhidmatan dan fi dan caj sedemikian mungkin berubah dari semasa ke semasa. Kadar semasa untuk fi dan caj akan disediakan kepada anda di Cawangan kami, di laman web rasmi di www.uob.com.my atau atas permintaan anda.
- 17.3 Anda bertanggungjawab untuk membayar sebarang cukai atau levi yang, pada tarikh pembukaan Akaun atau pada mana-mana tarikh selepas tarikh pembukaan Akaun, diperlukan oleh undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan sedemikian (dan akan termasuk apa-apa pindaan yang dilakukan ke atas undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan sedemikian) untuk dibayar kepada mana-mana pertubuhan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, yang berkaitan dengan sebarang fi dan caj yang dikenakan atau ditanggung oleh kami berhubung dengan Akaun, Bon / Sukuk dan / atau Perkhidmatan.
- 17.4 Sebarang cukai atau levi yang ditanggung oleh kami berhubung dengan penggunaan Akaun, Bon / Sukuk dan / atau Perkhidmatan dan apa-apa barangan atau perkhidmatan lain yang disediakan di bawah Akaun akan ditanggung dan dikenakan kepada anda dan jika kami melakukan pembayaran bagi pihak anda, anda akan bertanggungjawab untuk membayar balik kepada kami jumlah sedemikian yang telah dibayar.
- 17.5 Jika anda menamatkan Perkhidmatan, kami berhak untuk menerima jumlah fi yang berkadar, dikira pada dasar harian sehingga dan termasuk tarikh penamatan, dan pembayaran balik sepenuhnya untuk semua kos dan perbelanjaan sendiri yang ditanggung oleh kami sehingga dan termasuk tarikh penamatan, termasuk sebarang cukai, duti, levi atau fi yang dikenakan dalam pemindahan Bon / Sukuk menurut Terma dan Syarat ini.
- 17.6 Kami boleh mendebitkan Akaun Penyelesaian untuk fi dan caj bagi Akaun dan / atau Perkhidmatan sebagaimana dan apabila ia perlu dibayar.
- 17.7 Kami mungkin, dari semasa ke semasa, mengenakan caj perkhidmatan baru atau mengubah atau menyemak semula apa-apa fi dan caj yang dikenakan ke atas Akaun dan / atau Perkhidmatan dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu.

18. Kos dan Perbelanjaan

- 18.1 Semua kos dan perbelanjaan termasuk kos guaman, caj dan perbelanjaan yang ditanggung oleh kami, Penjaga atau Sub-Penjaga berhubung dengan atau bersampingan dengan Akaun, Perkhidmatan dan / atau Bon / Sukuk, penguatkuasaan atau percubaan untuk mengekalkan atau penguatkuasaan hak kami di bawah Terma dan Syarat ini dan sebarang pengenaan cukai di bawah undang-undang atau peraturan pencukai mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, akan dibayar oleh anda apabila diminta pada dasar indemniti penuh, bersama dengan faedah daripada tarikh permintaan hingga tarikh pembayaran penuh pada kadar sedemikian yang ditentukan oleh kami.

- 18.2 Kami berhak mendebit Akaun Penyelesaian atau mana-mana akaun lain yang anda mungkin kekalkan dengan kami untuk segala kos, perbelanjaan dan fi guaman yang ditanggung atau perlu dibayar oleh anda kepada kami berhubung dengan Akaun, Perkhidmatan dan / atau Bon / Sukuk.
- 18.3 Kami berhak untuk menggunakan apa-apa bayaran yang kami terima daripada anda untuk memenuhi semua kos, caj dan perbelanjaan dalam apa-apa perkadaran dan apa-apa pengaturan keutamaan sebagaimana yang kami anggap sesuai, dan kami berhak untuk menempatkan dan menyimpan apa-apa bayaran yang kami terima daripada anda dalam kredit akaun tergantung untuk seberapa lama yang kami pilih, tanpa diwajibkan dalam masa yang sama untuk menggunakan semua atau sebahagian daripada yang sama untuk atau ke arah penunaian sebarang wang atau liabiliti yang perlu dibayar atau ditanggung oleh anda di bawah Akaun, berkenaan dengan Perkhidmatan dan / atau Bon / Sukuk.

19. Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)

Bon / Sukuk yang dikekalkan dalam Akaun anda tidak layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Anda dimaklumkan bahawa sebarang wang yang dikeluarkan daripada deposit yang diinsuranskan bagi tujuan pembelian pelaburan Bon / Sukuk tidak akan dilindungi oleh PIDM dan anda mengesahkan bahawa satu salinan risalah PIDM telah diberikan kepada anda.

20. Peraturan dan Amalan Pasaran

Anda bersetuju bahawa semua transaksi berhubung dengan Bon / Sukuk adalah tertakluk kepada peraturan dan amalan pasaran bagi pasaran di mana Bon / Sukuk tersebut didagangkan.

21. Indemniti

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan peruntukan lain dalam Terma dan Syarat ini, anda, setakat yang dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang, tidak mempunyai hak tuntutan terhadap kami dan akan melindungi kami serta semua pekerja, kakitangan, penama, pengarah dan ejen kami daripada semua kerugian, tuntutan, kos, ganti rugi, tanggungan, pampasan, caj dan perbelanjaan, termasuk fi dan kos guaman pada dasar indemniti penuh dan semua barangan dan perkhidmatan, nilai ditambah dan duti, levi dan cukai yang perlu dibayar yang lain ke atas kos, caj dan perbelanjaan sedemikian, bagaimanapun dialami atau ditanggung oleh kami (selain daripada kerugian, kos atau ganti rugi sedemikian yang timbul daripada kecuaiian melampau atau salah laku sengaja kami, yang kami mungkin menghadapi, mengalami atau menanggung berhubung dengan, tanpa had:-

- (a) penyediaan Akaun, Bon / Sukuk dan Perkhidmatan;
- (b) bergantung dan bertindak ke atas atau menjalankan sebarang arahan yang dikatakan telah diberikan kepada kami menurut Terma dan Syarat ini sama ada arahan tersebut adalah tidak sah, tidak tepat atau tidak lengkap;
- (c) berhubung dengan pengkalan atau penguatkuasaan hak kami di bawah Terma dan Syarat ini atau akibat daripada sebarang ketidakpatuhan Terma dan Syarat ini atau apa-apa terma dan syarat lain yang berkenaan oleh anda;
- (d) berhubung dengan apa-apa tindakan yang diambil oleh mana-mana pihak terhadap anda atau mana-mana akaun untuk apa-apa sebab sekalipun, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang penggunaan yang menyalahi undang-undang, penipuan, kecuaiian atau tidak dibenarkan untuk Akaun, Bon / Sukuk dan / atau Perkhidmatan;
- (e) berhubung dengan apa-apa penglibatan oleh kami dalam sebarang prosiding dalam apa-apa bentuk untuk melindungi atau berhubung dengan Akaun, Bon / Sukuk dan / atau Perkhidmatan;
- (f) berhubung dengan pematuhan kami kepada mana-mana undang-undang atau peraturan sedia ada atau masa hadapan atau arahan rasmi berhubung dengan mana-mana Terma dan Syarat ini;
- (g) yang timbul daripada atau berhubung dengan Terma dan Syarat ini; dan / atau
- (h) yang timbul daripada atau berhubung dengan sebarang undang-undang atau peraturan pencukaian mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami.

22. Keadaan Di Luar Kawalan Kami

Jika kami tidak dapat melaksanakan sebarang tanggungjawab kami di bawah Terma dan Syarat ini, atau menjalankan sebarang operasi atau menyediakan sebarang perkhidmatan akibat daripada mana-mana sebab di luar kawalan kami, termasuk:-

- (a) kebakaran, gempa bumi, banjir, epidemik, malapetaka semula jadi, kemalangan, kerusuhan, kekacauan awam, pertikaian industri, tindakan keganasan, embargo, peperangan, bencana alam;
- (b) sebarang kegagalan atau gangguan telekomunikasi, internet, bekalan elektrik, air, bekalan bahan api; atau
- (c) sebarang keadaan dalam bentuk peristiwa tidak diduga yang menghalang kami daripada melaksanakan tanggungjawab kami di bawah Terma dan Syarat ini;

kami tidak akan dipertanggungjawabkan dalam apa cara sekalipun untuk sebarang kegagalan pelaksanaan atau untuk sebarang kesulitan, kerugian, kecederaan dan ganti rugi yang dialami atau ditanggung secara langsung atau tidak langsung oleh anda akibat daripadanya.

23. Pendedahan

Anda bersetuju bahawa kami (termasuk pegawai, kakitangan, ejen atau mana-mana individu lain yang kami benarkan untuk mengakses rekod, surat-menyurat atau sebarang bahan berhubung dengan anda atau Akaun) boleh mendedahkan, sebarang maklumat berkaitan dengan anda, akaun anda dengan kami atau Akaun kepada yang berikut:-

- (a) mana-mana satu atau lebih dari satu ahli Kumpulan untuk sebarang tujuan berikut:-
 - (1) menyediakan anda dengan perkhidmatan perbankan;
 - (2) pelaporan;
 - (3) pepadanan data;
 - (4) meningkat dan melanjutkan penyediaan perkhidmatan lain oleh kami;
 - (5) pencegahan penipuan atau jenayah;
 - (6) menyiasat, mencegah atau sebaliknya berhubung dengan pengubahan wang haram atau apa-apa aktiviti jenayah lain;
 - (7) kutipan hutang;
 - (8) operasi khidmat sumber luar;
 - (9) pelaksanaan tugas sebagai seorang pegawai kami atau berkaitan dengan pengauditan atau pelaksanaan pengurusan risiko;
 - (10) memudahkan pelaksanaan tugas kami atau mana-mana fungsi Kumpulan UOB Malaysia;
 - (11) pematuhan pada polisi, garis panduan, arahan atau keperluan Kumpulan kami;
 - (12) pelaksanaan peraturan korporat;
 - (13) sebarang proses undang-undang yang dimulakan oleh atau dilaksanakan ke atas kami;
- (b) mana-mana individu atau organisasi, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang menyediakan perkhidmatan elektronik atau perkhidmatan lain kepada kami untuk tujuan menyediakan, mengemas kini, menyenggara dan mempertingkatkan perkhidmatan tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada siasatan percanggahan, kesilapan atau tuntutan;
- (c) mana-mana individu atau organisasi, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang dilantik oleh kami untuk tujuan menjalankan atau berkaitan dengan pelaksanaan perkhidmatan atau fungsi operasi yang telah menggunakan khidmat pakar luar;
- (d) pihak polis atau mana-mana pegawai awam yang menjalankan suatu penyiasatan berkaitan dengan sebarang kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;

- (e) bank, institusi kewangan, biro kredit atau ejen rujukan kredit yang lain (hanya untuk maklumat kredit);
- (f) juruaudit, peguam cara dan penasihat profesional kami;
- (g) pencetak alat tulis kami, vendor sistem komputer yang kami gunakan, dan individu sedemikian yang memasang dan menyenggarakannya, serta pembekal barangan atau pembekal perkhidmatan lain yang dilantik oleh kami;
- (h) mana-mana penerima yang dilantik oleh kami atau mana-mana pihak lain;
- (i) mana-mana biro kredit di mana kami merupakan ahli, dan mana-mana ahli dan / atau jawatankuasa pematuhan biro kredit sedemikian;
- (j) mana-mana agensi penarafan, pembekal insurans atau broker insurans atau penyedia perlindungan kredit secara langsung atau tidak langsung;
- (k) mana-mana peserta atau sub-peserta sebenar atau berpotensi berhubung dengan sebarang tanggungjawab UOB Malaysia di bawah perjanjian perbankan di antara anda dan kami, atau pemegang serah hak, *novatee* atau penerima pindahan (atau mana-mana pegawai, kakitangan, ejen atau penasihat) atau mana-mana daripada mereka;
- (l) untuk transaksi yang dilaksanakan atau diproseskan dengan atau tanpa kebenaran anda dalam atau melalui mesin juruwang automatik bank atau institusi kewangan atau bukan kewangan lain atau terminal atau mesin atau peranti dikendalikan kad lain yang kami luluskan, kepada kami, institusi kewangan atau bukan kewangan, pedagang atau pihak lain yang menerima penggunaan kad mesin juruwang automatik dan ejen atau kontraktor mereka masing-masing;
- (m) mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa-kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami atau mana-mana ahli Kumpulan;
- (n) mana-mana individu di mana kami, atau mana-mana ahli Kumpulan, dibenarkan atau diperlukan untuk melakukan pendedahan di bawah undang-undang mana-mana negara;
- (o) mana-mana individu lain di mana pendedahan sedemikian dianggap sebagai untuk kepentingan kami, atau kepentingan mana-mana ahli Kumpulan (tidak termasuk perkongsian strategik untuk tujuan pemasaran dan promosi);
- (p) mana-mana individu yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau pengekalan mana-mana hak kami di bawah Terma dan Syarat ini; dan
- (q) Biro Kredit Pusat atau mana-mana pihak berkuasa atau badan lain yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami.
- (r) mana-mana negara lain, bank pusat atau pihak berkuasa siasatannya bagi tujuan mematuhi sebarang pertukaran maklumat akaun kewangan secara automatik di bawah mana-mana konvensyen pelbagai hala berkenaan bantuan pentadbiran bersama dalam perkara cukai.

24. Pematuhan pada Perintah Mahkamah

Kami dan Kumpulan boleh bertindak dalam apa-apa cara yang kami anggap sesuai, setakat yang dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang, jika kami dikemukakan dengan suatu perintah mahkamah oleh mahkamah daripada sebarang bidang kuasa. Anda bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan kami untuk sebarang kerugian atau ganti rugi berhubung dengan tindakan kami.

25. Perlindungan Data

- 25.1 Anda dengan ini mengesahkan bahawa anda telah menerima, membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh Notis Privasi yang dikeluarkan oleh kami (yang boleh didapati di semua cawangan kami serta laman web kami di www.uob.com.my) dan klausa dalam Terma dan Syarat ini yang mungkin berkaitan dengan pemprosesan Data Peribadi anda. Bagi mengelakkan keraguan, anda bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut akan dianggap telah dimasukkan sebagai rujukan ke dalam Terma dan Syarat ini.
- 25.2 Anda membenarkan dan bersetuju bahawa kami boleh memindahkan Data Peribadi (termasuk Data Peribadi mana-mana Subjek Data Pihak Ketiga) ke luar Malaysia. Semua Data Peribadi yang dipegang oleh kami dan Kumpulan akan diberi tahap perlindungan yang munasabah terhadap apa-apa kehilangan, salah guna, pengubahsuaian, akses atau pendedahan tanpa kebenaran atau tidak sengaja, perubahan atau pemotongan.
- 25.3 Sekiranya anda menyediakan Data Peribadi berhubung dengan mana-mana Subjek Data Pihak Ketiga kepada kami bagi tujuan pembukaan atau pengendalian Akaun dengan kami atau sebaliknya untuk melanggan produk dan perkhidmatan kami, anda:
- (i) Berjanji bahawa anda telah memaklumkan Subjek Data Pihak Ketiga untuk membaca Notis Privasi di laman web kami di www.uob.com.my;
 - (ii) mengesahkan dan menjamin bahawa anda telah mendapat persetujuan Subjek Data Pihak Ketiga untuk memproses (termasuk pendedahan dan pemindahan) Data Peribadi mereka atau sebaliknya berhak untuk menyediakan data ini kepada kami untuk kami menggunakannya selaras dengan Terma dan Syarat ini dan/atau dalam keadaan di mana kami perlu membuktikan yang sama;
 - (iii) berjanji bahawa anda telah memaklumkan Subjek Data Pihak Ketiga sedemikian untuk membaca Notis Privasi di laman web kami di www.uob.com.my;
 - (iv) telah memaklumkan Subjek Data Pihak Ketiga sedemikian:-
 - (1) bahawa kami mungkin mengumpul atau mengesahkan Data Peribadi mereka dengan sumber-sumber pihak ketiga;
 - (2) bahawa kami boleh mendedahkan Data Peribadi mereka kepada kelas pihak ketiga seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi kami;
 - (v) bersetuju untuk memastikan bahawa Data Peribadi Subjek Data Pihak Ketiga sedemikian adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan dikemaskinikan;
 - (vi) bersetuju untuk mengemas kini secara bertulis kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan ketara pada Data Peribadi sedemikian; dan
 - (vii) bersetuju kepada hak kami untuk menamatkan Terma dan Syarat ini dan menutup Akaun jika persetujuan sedemikian ditarik balik oleh Subjek Data Pihak Ketiga sedemikian.
- 25.4 Di mana anda mengarahkan kami untuk melaksanakan sebarang bentuk transaksi rentas sempadan (termasuk untuk melakukan atau menerima bayaran), butiran yang berkenaan dengan transaksi rentas sempadan tersebut (termasuk data yang berkaitan dengan pihak yang terlibat dalam transaksi tersebut, seperti Subjek Data Pihak Ketiga) boleh diterima daripada atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berhubung dengan kewajipan sah mereka (contoh, pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan kami dan/atau ejen kami untuk melakukan sebarang transaksi rentas sempadan bagi pihak anda, anda bersetuju dengan pendedahan di atas bagi pihak anda dan pihak lain (termasuk Subjek Data Pihak Ketiga) yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan sedemikian.
- 25.5 Sebagai tambahan, tetapi sentiasa tertakluk kepada sebarang undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau tanggungjawab) yang dikenakan ke atas kami dan Kumpulan (sama ada di dalam atau di luar Malaysia), anda bersetuju bahawa kami dan Kumpulan, serta pedagang dan rakan strategik kami boleh menghubungi anda mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran yang kami percaya mungkin dapat menarik

minat anda atau memanfaatkan anda dari segi kewangan. Walau apapun yang tersebut di atas, kami hanya akan mendedahkan Data Peribadi anda (tidak termasuk data yang berhubung dengan hal ehwal atau Akaun anda) kepada pedagang dan rakan kongsi strategik kami di mana persetujuan nyata anda telah diperoleh terlebih dahulu.

- 25.6 Anda boleh memilih untuk tidak menerima atau berhenti menerima apa-apa bahan pemasaran langsung daripada kami dan Kumpulan dengan menulis kepada kami di 'Perkhidmatan Kewangan Peribadi, Peti Surat 12405, 50944 Kuala Lumpur' (atau alamat lain sedemikian yang dimaklumkan oleh kami dari semasa ke semasa) dengan permintaan anda dan kami akan mematuhi arahan bertulis terkini anda kepada kami.
- 25.7 Anda mengakui bahawa komunikasi tertentu seperti Penyata Akaun dan laman web kami mengandungi maklumat standard mengenai produk dan perkhidmatan lain kami yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan penghantaran/penyediaan perkhidmatan dan/atau produk kami, pengendalian Akaun anda tanpa mengenakan kos tambahan kepada anda.
- 25.8 Anda dan Subjek Data Pihak Ketiga berhak untuk meminta secara bertulis:
- (i) untuk apa-apa maklumat berhubung dengan Data Peribadi yang dipegang atau disimpan oleh kami;
 - (ii) untuk apa-apa maklumat yang dipegang atau disimpan oleh kami yang perlu dikemaskini, dipinda dan/atau diperbetulkan;
 - (iii) untuk kami menghadkan pemprosesan Data Peribadi yang dipegang atau disimpan oleh kami; dan
 - (iv) untuk melakukan pertanyaan atau aduan berkenaan dengan pemprosesan Data Peribadi.

Untuk pertanyaan di bawah (i) atau (ii), anda dan/atau Subjek Data Pihak Ketiga boleh melakukan permintaan kepada kami melalui Borang Permintaan Mengakses Data atau Borang Permintaan Membetulkan Data masing-masing. Borang-borang ini boleh didapati di cawangan kami dan juga di laman web kami di www.uob.com.my.

Anda dan/atau Subjek Data Pihak Ketiga boleh mengarahkan semua permintaan ke mana-mana cawangan kami atau ke 'Pengurusan Komunikasi Pelanggan, Peti Surat 11212, 50738 Kuala Lumpur'.

Kami mungkin mengenakan fi untuk memproses permintaan anda untuk mengakses Data Peribadi. Kami juga mungkin menolak permintaan anda berkenaan dengan (i) atau (ii) di atas jika maklumat yang diberikan oleh anda dan/atau Subjek Data Pihak Ketiga tidak mencukupi (sebagaimana yang kami tentukan) atau di mana permintaan sedemikian boleh memungkir atau melanggar sebarang undang-undang atau peraturan atau apa-apa sebab lain yang kami anggap bukan pada kepentingan kami untuk berbuat demikian. Jika kami enggan mematuhi permintaan tersebut, kami akan memaklumkan anda dan Subjek Data Pihak Ketiga mengenai keengganan dan sebab keengganan kami.

- 25.9 Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa maklumat sedemikian sentiasa dikemaskinikan.
- 25.10 Sila dimaklumkan bahawa jika kami tidak lagi berhak untuk memproses Data Peribadi yang diberikan kepada kami oleh anda (termasuk di mana anda dan/atau Subjek Data Pihak Ketiga kemudiannya menarik balik kebenaran untuk memproses Data Peribadi), kami mungkin tidak dapat memproses Data Peribadi anda secara berkesan, atau memprosesnya sama sekali, berhubung dengan sebarang tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi. Sehubungan itu, kami berhak untuk tidak menyediakan atau tidak meneruskan penyediaan mana-mana produk, perkhidmatan, Akaun dan/atau kemudahan yang dikaitkan dengan Data Peribadi sedemikian.
- 25.11 Kami berhak untuk meminda klausa 25 ini dari semasa ke semasa dan akan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada anda dan menyatakan apa-apa pindaan sedemikian di laman web kami atau meletakkan notis di ruang perbankan atau di kawasan utama di cawangan kami atau dengan apa-apa cara komunikasi lain yang kami anggap sesuai.

- 25.12 Klausula 25 ini tidak akan menjejaskan sebarang klausula lain dalam Terma dan Syarat ini yang berkenaan dengan pendedahan data.

26. Pematuhan FATCA

- 26.1 Anda perlu menyediakan semua dokumentasi atau maklumat yang diperlukan, termasuk tetapi tidak terhad kepada tarikh lahir, negara kewarganegaraan, negara-negara kediaman tetap, negara-negara kediaman cukai dan nombor pengenalan pembayar cukai yang berkaitan, yang mungkin diperlukan untuk membolehkan kami atau mana-mana ahli Kumpulan mematuhi semua keperluan FATCA atau perjanjian lain oleh atau antara kerajaan.

Anda perlu memaklumkan kami secara bertulis dalam tempoh tiga puluh (30) hari mengenai sebarang perubahan yang menjejaskan status cukai anda berhubung dengan FATCA di bawah sebarang undang-undang, peraturan atau perjanjian lain oleh atau antara kerajaan.

- 26.2 Anda mewakili dan menjamin bahawa anda telah memberikan semua dokumentasi atau maklumat lain kepada kami sebagaimana yang mungkin diperlukan oleh kami untuk mematuhi FATCA dan berhubung dengan perubahan dalam status cukai dan akan menyediakan semua dokumentasi atau maklumat lain yang diperlukan dalam tempoh tujuh (7) hari dari permintaan daripada kami secara bertulis atau sebaliknya.

Anda selanjutnya mengakui bahawa apa-apa kegagalan di pihak anda untuk memberikan maklumat yang tepat dan tepat pada masanya menurut keperluan dan permintaan kami boleh menyebabkan kami menganggap bahawa anda bersikap degil dan / atau boleh dilaporkan dan mengambil segala tindakan yang diperlukan terhadap anda dalam usaha kami untuk mematuhi keperluan di bawah FATCA, undang-undang tempatan berhubung dengan FATCA dan mana-mana peruntukan lain yang timbul daripada perjanjian antara kerajaan yang berkaitan dengan FATCA.

- 26.3 Bagi pelanggan individu, anda bersetuju dengan pengumpulan, penyimpanan, dan pendedahan oleh kami atau mana-mana ahli Kumpulan mengenai apa-apa Data Peribadi kepada individu-individu di mana kami atau mana-mana ahli Kumpulan menerima atau melakukan pembayaran bagi pihak anda dan kepada pihak berkuasa kerajaan seperti yang diperlukan oleh undang-undang atau perjanjian lain oleh atau antara kerajaan. Kebenaran anda akan berkuatkuasa tanpa mengira sebarang perjanjian tiada pendedahan yang digunakan. Anda menyatakan bahawa anda telah memperolehi sebarang persetujuan atau penepian yang diperlukan daripada mana-mana pihak ketiga di mana maklumatnya telah diberikan kepada kami bagi membenarkan kami atau mana-mana ahli Kumpulan menjalankan tindakan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 26 ini, dan bahawa anda akan memperolehi persetujuan dan penepian sedemikian terlebih dahulu sebelum memberikan maklumat yang sama kepada kami pada masa hadapan.

- 26.4 Bagi pelanggan yang merupakan pemilik tunggal, perkongsian atau entiti perniagaan lain, syarikat, atau persatuan, kelab atau pertubuhan atau amanah, anda bersetuju dengan pengumpulan, penyimpanan, dan pendedahan oleh kami atau mana-mana ahli Kumpulan mengenai sebarang Maklumat Sulit kepada individu-individu di mana kami atau mana-mana ahli Kumpulan menerima atau melakukan pembayaran bagi pihak anda dan kepada pihak berkuasa kerajaan seperti yang diperlukan oleh undang-undang atau perjanjian lain oleh atau antara kerajaan. Maklumat Sulit termasuk data peribadi anda, butiran akaun bank, maklumat transaksi, dan apa-apa maklumat lain yang dianggap bersifat sulit atau proprietari oleh seseorang yang munasabah. Kebenaran anda akan berkuatkuasa tanpa mengira sebarang perjanjian tiada pendedahan yang digunakan. Anda menyatakan bahawa anda telah memperolehi sebarang persetujuan atau penepian yang diperlukan daripada mana-mana pihak ketiga di mana maklumatnya telah diberikan kepada kami bagi membenarkan kami atau mana-mana ahli Kumpulan menjalankan tindakan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 26 ini, dan bahawa anda akan memperolehi persetujuan dan penepian sedemikian terlebih dahulu sebelum memberikan maklumat yang sama kepada kami pada masa hadapan.

- 26.5 Anda bersetuju dan mengakui bahawa kami berhak untuk mengambil segala tindakan yang diperlukan untuk mematuhi dan kekal mematuhi FATCA sebagaimana yang diperlukan oleh undang-undang atau perjanjian lain oleh atau antara kerajaan. Jika sebahagian daripada pendapatan anda boleh dilaporkan dan

sebahagiannya tidak, kami akan melaporkan semua pendapatan kecuali kami dapat menentukan jumlah yang boleh dilaporkan dengan sewajarnya. Anda dengan ini membenarkan kami atau mana-mana ahli Kumpulan kami, di mana sesuai, untuk menahan atau mengutip sebarang bayaran, sebarang cukai atau penilaian kerajaan lain yang diperlukan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang keperluan untuk menahan atau memotong jumlah di bawah Kod serta peraturan dan garis panduan lain yang dikeluarkan di bawah Kod, di mana setiap daripadanya dipinda dari semasa ke semasa atau mana-mana perjanjian lain dengan atau antara pihak berkuasa.

- 26.6 Kami atau mana-mana ahli Kumpulan, boleh mengambil apa-apa tindakan kami yang kami anggap sesuai untuk memenuhi sebarang tanggungjawab, sama ada di Malaysia atau di tempat lain di dunia, berhubung dengan pencegahan pengelakan cukai. Ini mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, menyiasat dan memintas bayaran ke dalam dan keluar daripada akaun anda (terutamanya dalam hal pemindahan dana antarabangsa), menyiasat sumber atau penerima yang dimaksudkan untuk dana, perkongsian maklumat dan dokumen dengan pihak berkuasa cukai tempatan dan antarabangsa dan menahan pendapatan dari akaun anda dan memindahkannya kepada pihak berkuasa cukai tersebut. Jika kami tidak berpuas hati bahawa suatu pembayaran ke dalam atau ke luar daripada akaun anda adalah sah disisi undang-undang, kami boleh menolak pelaksanaannya.
- 26.7 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda untuk sebarang kerugian, kos, perbelanjaan, ganti rugi, liabiliti yang anda mungkin alami akibat daripada pematuan kami kepada undang-undang, peraturan, perintah atau perjanjian dengan pihak berkuasa cukai atau oleh dan antara pihak berkuasa cukai.
- 26.8 Klausula 26 ini akan mengatasi mana-mana terma yang tidak konsisten atau persetujuan yang diberikan oleh anda di bawah mana-mana perjanjian dengan kami setakat perjanjian sedemikian menyediakan hak yang berkurangan bagi kami, sama ada sebelum atau selepas tarikh Terma dan Syarat ini. Klausula 26 ini tidak akan mempengaruhi sebarang klausa lain dalam Terma dan Syarat ini yang menyediakan permintaan untuk maklumat atau pendedahan data.

27. Pemindaan

- 27.1 Setakat yang dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang, kami boleh mengubah, menambah, mengeluarkan atau meminda Terma dan Syarat ini, secara munasabah dari semasa ke semasa, dengan memberikan anda notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu, sama ada melalui Penyata Akaun anda atau melalui pemaparan di laman web rasmi kami di www.uob.com.my atau di Cawangan kami, atau dalam apa-apa cara yang kami pilih.
- 27.2 Jika anda tidak menerima pindaan tersebut, anda mesti menutup Akaun dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemberitahuan sedemikian. Jika tidak, anda akan dianggap telah menerima dan bersetuju dengan perubahan sedemikian dan perubahan tersebut akan mengikat anda.

28. Notis dan Komunikasi

- 28.1 Apa-apa notis, tuntutan, permintaan atau komunikasi (selain Proses Undang-undang) yang kami hantar kepada anda, mungkin:-
- (i) dihantar dengan tangan ke alamat anda seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan untuk membuka Akaun atau alamat terakhir lain sedemikian yang kami ketahui;
 - (ii) dihantar melalui pos (berdaftar, berdaftar Akaun Terima (AR), biasa atau sebaliknya) ke alamat anda seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan untuk membuka Akaun atau alamat terakhir lain sedemikian yang kami ketahui;
 - (iii) dihantar melalui transmisi faksimili ke nombor faksimili terakhir yang kami ketahui;

- (iv) dihantar melalui mel elektronik ke alamat mel elektronik terakhir yang kami ketahui;
- (v) dihantar oleh sistem pesanan ringkas (SMS) kepada nombor telefon bimbit terakhir yang kami ketahui;
- (vi) dengan menyiarkan di laman web kami; atau
- (vii) dengan memasukkan ke dalam mana-mana penyata akaun yang kami hantar kepada anda.

28.2 Notis atau komunikasi tersebut akan dianggap telah diterima oleh anda:-

- (i) pada masa penghantaran di alamat anda, jika dihantar dengan tangan;
- (ii) pada hari ketiga (ke-3) (termasuk hari pengeposan) dari tarikh ia dihantar, walaupun ia tidak dapat dihantar atau dikembalikan;
- (iii) pada waktu penghantaran faksimili selesai;
- (iv) pada waktu penghantaran mel elektronik selesai;
- (v) pada waktu penghantaran sistem pesanan ringkas (SMS) selesai;
- (vi) pada waktu pemaparan di laman web kami; atau
- (vii) pada waktu penyata akaun dianggap telah diterima oleh anda.

28.3 Kami juga berhak untuk menyampaikan apa-apa notis berkenaan dengan Akaun dalam mana-mana satu surat khabar harian dan notis tersebut akan dianggap telah disampaikan kepada anda pada hari iklan tersebut dipaparkan dalam surat akhbar tersebut.

28.4 Kami juga berhak untuk menyampaikan apa-apa notis berkenaan dengan Akaun dan / atau Bon / Sukuk kepada anda melalui iklan dalam mana-mana satu surat khabar harian dan notis tersebut akan dianggap telah disampaikan kepada anda pada hari iklan tersebut dipaparkan dalam surat akhbar tidak kira sama ada anda telah melihat iklan tersebut.

28.5 Perubahan dalam maklumat hubungan:-

- (a) Anda bersetuju untuk memaklumkan kami dengan serta-merta mengenai sebarang perubahan dalam alamat surat-menyurat / pos atau kediaman anda serta maklumat hubungan anda ("Maklumat").
- (b) Jika anda tidak memaklumkan kami mengenai sebarang perubahan dalam Maklumat, anda bersetuju bahawa kami boleh bergantung pada:-
 - (i) sebarang alamat dan / atau maklumat hubungan yang dinyatakan dalam borang permohonan untuk pembukaan Akaun atau seperti yang dinyatakan dalam rekod kami; atau
 - (ii) sebarang alamat dan / atau maklumat hubungan yang kami peroleh daripada sebarang komunikasi yang dikatakan telah dihantar oleh anda kepada kami.
- (c) Jika anda gagal memaklumkan kami mengenai perubahan dalam Maklumat yang menyebabkan kelewatan atau tiada penghantaran mana-mana Penyata Akaun, surat-menyurat dan / atau notis, ia tidak akan menjejaskan hak dan kelayakan kami di bawah Terma dan Syarat ini.

29. Penyerahan Proses Undang-Undang

Sebagai tambahan kepada dan bukan pengganti untuk apa-apa cara perkhidmatan yang mungkin dibenarkan atau ditetapkan oleh sebarang undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa ini, sebarang perkhidmatan Proses Undang-undang oleh atau bagi pihak kami dapat dilaksanakan ke atas anda:

- (a) jika anda seorang individu, dengan meninggalkan satu salinan di alamat yang dinyatakan dalam borang permohonan atau dalam apa-apa komunikasi yang dikatakan telah dikeluarkan oleh anda kepada kami atau yang terakhir diketahui kami dan akan dianggap telah diterima oleh anda pada hari ia ditinggalkan di alamat tersebut; atau
- (b) dengan menghantar satu salinan melalui pos berdaftar prabayar atau biasa ke alamat yang dinyatakan dalam borang permohonan atau dalam apa-apa komunikasi yang dikatakan telah dikeluarkan oleh anda kepada kami atau yang terakhir diketahui kami dan akan dianggap telah diterima oleh Anda pada hari ketiga (ke-3) (termasuk hari pengeposan) dari tarikh ia dihantar.

30. Permintaan Maklumat

- 30.1 Anda mesti menyediakan dan mendedahkan kepada kami dalam tempoh yang kami tentukan, sebarang maklumat, kenyataan dan penjelasan yang kami anggap perlu berkenaan dengan Akaun dan Bon / Sukuk bagi:-
- (i) mematuhi undang-undang atau sekatan di Malaysia atau di mana-mana negara lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berkaitan dengan pencegahan pengubahan wang haram atau pencegahan keganasan); dan / atau
 - (ii) menguruskan risiko pengubahan wang haram atau risiko pembiayaan keganasan atau risiko sekatan ekonomi dan perdagangan.
- 30.2 Sementara menunggu penerimaan maklumat daripada anda dan sehingga kami telah mengesahkan maklumat tersebut pada kepuasan kami, kami tidak wajib untuk meneruskan sebarang transaksi atau arahan berhubung dengan Akaun dan / atau Bon / Sukuk.
- 30.3 Anda mengakui dan berjanji kepada kami bahawa pemprosesan sebarang transaksi atau arahan tidak akan melanggar sebarang undang-undang atau sekatan di Malaysia atau di mana-mana negara lain. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian yang timbul daripada kelewatan atau kegagalan untuk memproses sebarang transaksi atau arahan yang disebabkan oleh maklumat atau dokumentasi yang tidak mencukupi daripada anda.

31. Tiada Penyelesaian atau Tuntutan Balas

Sehingga semua wang yang terhutang dibayar atau diselesaikan dengan sepenuhnya, anda tidak akan berhak untuk menuntut sebarang penyelesaian atau tuntutan balas terhadap kami berkaitan dengan sebarang liabiliti kami kepada anda, dengan membayar sebarang jumlah yang boleh didapatkan balik oleh kami atau atas apa-apa alasan lain. Anda bersetuju bahawa tiada apa-apa dalam pengaturan antara kami akan dianggap sebagai mengandungi perjanjian tersirat yang mengehadkan atau menafikan sebarang lien, caj, jaminan, hak penyelesaian atau hak lain yang telah wujud atau tersirat dari segi undang-undang.

32. Transaksi “Book Building”

- 32.1 “Book Building” merujuk kepada proses mengumpulkan minat pelanggan untuk penerbitan atau penjualan Bon / Sukuk tertentu.
- 32.2 Klausula 32 ini hanya digunakan berkenaan dengan:
- (i) Bon / Sukuk yang diperoleh (sama ada melalui langganan, pembelian atau sebaliknya) melalui “book building”, oleh atau bagi pihak kami, untuk anda; dan/atau
 - (ii) melalui peruntukan oleh kami, Penjaga atau Sub-Penjaga atau mana-mana daripada mereka untuk apa-apa Perkhidmatan yang berhubung dengan Bon / Sukuk yang telah diperoleh atau akan diperoleh melalui “book building” (“Bon / Sukuk Book Building”).

- 32.3 Tanpa mengira apa-apa peruntukan lain dalam Terma dan Syarat ini, kerelaan dan persetujuan kami untuk menyediakan atau terus menyediakan anda dengan Perkhidmatan, atau mana-mana bahagian daripadanya, yang berhubung dengan Bon / Sukuk Book Building ialah SEMATA-MATANYA berdasarkan terma penting yang terkandung dalam Klausula 32 ini.
- 32.4 Berhubung dengan mana-mana Bon / Sukuk Book Building yang diperoleh (sama ada melalui langganan, pembelian atau sebaliknya) atau dipegang oleh kami, Penjaga, Sub-Penjaga atau mana-mana daripada mereka bagi pihak anda, kecuali sebagaimana yang diperlukan secara khusus oleh peruntukan undang-undang mandatori atau keperluan undang-undang mandatori pihak berkuasa kawal selia yang berkenaan:
- (a) UOB Malaysia, Penjaga atau Sub-Penjaga tidak diwajibkan atau diperlukan untuk melakukan mana-mana satu atau lebih daripada satu atau semua yang berikut:
 - (i) menghadiri mana-mana mesyuarat (dalam apa-apa bentuk) pemegang Bon / Sukuk Book Building;
 - (ii) melaksanakan sebarang hak mengundi yang diberikan kepada Bon / Sukuk Book Building atau mana-mana bahagian daripadanya yang dipegang oleh UOB Malaysia, Penjaga, Sub-Penjaga atau mana-mana daripada mereka untuk anda; atau
 - (iii) mengambil bahagian dalam apa-apa perkara atau hal yang memerlukan maklum balas, persetujuan, tindak balas atau sebaliknya penyertaan pemegang Bon / Sukuk Book Building atau mana-mana daripada mereka; atau
 - (b) UOB Malaysia, Penjaga atau Sub-Penjaga tidak akan mewakili atau melantik anda, atau diwajibkan untuk mewakili atau melantik anda (sama ada sebagai proksi, ejen, peguam atau sebaliknya) untuk melakukan mana-mana satu atau lebih daripada satu atau semua yang berikut:
 - (i) untuk menghadiri mana-mana mesyuarat (dalam apa-apa bentuk) pemegang Bon / Sukuk Book Building;
 - (ii) untuk melaksanakan sebarang hak mengundi yang diberikan kepada Bon / Sukuk Book Building atau mana-mana bahagian daripadanya yang dipegang oleh UOB Malaysia, Penjaga, Sub-Penjaga atau mana-mana daripada mereka untuk anda; atau
 - (iii) untuk mengambil bahagian dalam apa-apa perkara atau hal yang memerlukan maklum balas, persetujuan, tindak balas atau sebaliknya penyertaan pemegang Bon / Sukuk Book Building atau mana-mana daripada mereka.
 - (c) anda tidak akan berhak dan anda dengan ini menyetepikan dan melepaskan semua hak dan kelayakan anda secara muktamad dan tanpa bersyarat, jika ada, untuk meminta, mengarahkan, memberi kuasa atau sebaliknya memerlukan UOB Malaysia, Penjaga, Sub-Penjaga atau mana-mana daripada mereka (sebagai pemegang Bon / Sukuk Book Building atau mana-mana bahagian daripadanya) untuk melakukan mana-mana satu atau lebih daripada satu atau semua yang berikut:
 - (i) untuk menghadiri mana-mana mesyuarat (dalam apa-apa bentuk) pemegang Bon / Sukuk Book Building;
 - (ii) untuk melaksanakan sebarang hak mengundi yang diberikan kepada Bon / Sukuk Book Building atau mana-mana bahagian daripadanya yang dipegang oleh UOB Malaysia, Penjaga, Sub-Penjaga atau mana-mana daripada mereka untuk anda;
 - (iii) untuk mengambil bahagian dalam apa-apa perkara atau hal yang memerlukan maklum balas, persetujuan, tindak balas atau sebaliknya penyertaan pemegang Bon / Sukuk Book Building atau mana-mana daripada mereka; atau

- (iv) untuk mewakili atau melantik anda (sama ada sebagai proksi, ejen, peguam atau sebaliknya) untuk melakukan mana-mana satu atau lebih daripada satu atau semua perkara yang dinyatakan dalam sub-klausa 32.4(c)(i), (ii) dan/atau (iii) di atas.

Semua dan sebarang arahan, kebenaran atau keperluan sedemikian daripada anda akan dianggap tidak sah dan UOB Malaysia, Penjaga atau Sub-Penjaga tidak bertanggungjawab untuk mematuhi perkara yang sama.

33. Pengikatan Pengganti

Terma dan Syarat ini akan mengikatkan waris, wakil peribadi dan pengganti hak milik anda serta pengganti hak milik dan pemegang serah hak kami.

34. Perubahan dalam Perlembagaan

Terma dan syarat ini akan kekal sah dan mengikat untuk semua tujuan, walaupun terdapat perubahan dalam perlembagaan kami atau anda, jika sebuah syarikat, melalui penggabungan, penyatuan, penyusunan semula, pemerolehan atau sebaliknya, dan jika seorang individu, melalui kematian.

35. Penyerahan Hak dan Cagaran

- 35.1 Terma dan Syarat yang mentadbir Akaun Pelaburan Bon / Sukuk ini akan mengikat dan memastikan manfaat kami dan anda serta pengganti hak milik dan penerima serah hak yang dibenarkan masing-masing. Terma dan Syarat ini akan terus mengikat anda tanpa mengambil kira:-
- (a) apa-apa perubahan dalam nama atau perlembagaan kami; atau
 - (b) penyatuan atau penggabungan kami ke dalam atau dengan mana-mana entiti lain, dan dalam keadaan sedemikian, entiti tersebut akan menggantikan kami berhubung dengan Terma dan Syarat ini dan Terma dan Syarat ini akan terus berkuatkuasa antara anda dan entiti sedemikian.
- 35.2 Anda tidak boleh dalam apa-apa cara, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada kami, menyerahkan hak, memindah, mencagar atau mengenakan caj untuk sebarang Bon / Sukuk atau Akaun kepada mana-mana pihak ketiga sama ada melalui sekuriti atau sebaliknya hak dan kewajipan anda di bawah Terma dan Syarat ini.
- 35.3 Kami boleh menyerahkan mana-mana atau semua hak kami di bawah Terma dan Syarat ini dan di bawah Akaun kepada mana-mana individu yang kami anggap sesuai.

36. Penepian

Kegagalan untuk menjalankan, atau kelewatan untuk menjalankan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi oleh kami tidak akan dianggap sebagai suatu penepian, ataupun pelaksanaan sesuatu atau sebahagian hak, kuasa, keistimewaan atau remedi lain. Hak dan remedi di bawah Terma dan Syarat ini adalah kumulatif dan tidak eksklusif untuk mana-mana hak atau remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang.

37. Kebolehasingan

Ketidaksahan atau tiada penguatkuasaan mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini tidak akan menjejaskan tujuan dasar Terma dan Syarat ini. Ketidaksahan atau tiada penguatkuasaan peruntukan ini boleh diasingkan, dan tidak akan menjejaskan kesahan atau penguatkuasaan terma dan peruntukan lain, yang akan kekal dikuatkuasa dan dilaksanakan pada tahap sepenuhnya.

38. Perlindungan Hak dan Kelayakan

Hak dan kelayakan kami di bawah Terma dan Syarat ini akan terus berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya, dan akan terlindung daripada sebarang pembatalan, pemansuhan atau penggantungan penggunaan Akaun.

39. Undang-Undang yang Mentadbir

Terma dan Syarat akan ditadbir oleh dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia, dan anda bersetuju secara muktamad untuk:-

- (i) menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif Mahkamah Malaysia;
- (ii) mengetepikan sebarang bantahan atas alasan kesesuaian tempat, bidang kuasa atau alasan yang sama; dan
- (iii) bersetuju kepada proses perkhidmatan melalui mel biasa atau dalam apa-apa cara yang dibenarkan oleh terma dan syarat ini dan / atau undang-undang berkenaan.

40. Carian

Kami boleh tetapi tidak diwajibkan untuk melakukan carian kebangkrapan atau carian berkaitan kredit daripada mana-mana agensi rujukan kredit, pangkalan data atau sistem ke atas mana-mana individu sebelum dan pada bila-bila masa selepas pembukaan Akaun. Anda bersetuju untuk kami melakukan carian sedemikian terhadap anda setakat yang dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang.